

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya :
"Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan".

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PUJA USIA DPMM KE-50



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-50 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3).

RPN Kampung Rimba bakal miliki masjid baharu

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

RIMBA, Selasa, 20 Februari. — Para penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba dan sekitarnya akan mempunyai sebuah bangunan masjid baharu yang dibina bersebelahan dengan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SHHB), Rimba.

Bangunan masjid baharu berkenaan dijangka siap pembinaannya pada 9 November 2024 dengan menggunakan anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjumlah

BND3,577,473.40.

Sehubungan dengan itu, Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu berkenaan diadakan pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

>> Muka 4

Sesi Muzakarah kongsi inisiatif, perancangan JPM

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Februari. - Permuzakarah bersama Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memainkan peranan penting yang merupakan wadah bagi perbincangan konstruktif, di samping sebagai pemangkin yang dapat memberikan dukungan kepada misi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam menerajui pembentukan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar dan keutamaan kerajaan dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai

pihak berkepentingan termasuk masyarakat umum selaras dengan pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation.

Mengimbas kembali Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 MMN pada tahun lepas, perkara-perkara yang telah dibangkitkan meliputi isu-isu berkaitan Wawasan Brunei 2035, pentadbiran awam, peluang-peluang pekerjaan dan pengambilan tenaga kerja serta hal ehwal strategi bidang tenaga.

>> Muka 5



Berita Utama



PASTIKAN kelancaran Sambutan
Hari Kebangsaan

Muka 8



BUAT tempahan melalui aplikasi
web Tiket Kitani

Muka 11



I-USAHAWAN : Rangsang
inovasi, kreativiti pegawai i-Ready

Muka 12



CERMIN signage menjadi pilihan
bidang keusahawanan

Muka 21

25,000 bakal meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan untuk berangkat bercemar duli ke majlis-majlis utama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40, Tahun 2024, iaitu Majlis Kesyukuran; Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah; Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran; Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40; dan Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan.

Sehubungan dengan itu, satu Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), petang tadi.

Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 hadir mengongsikan maklumat-maklumat mengenai acara-acara utama, acara-acara sampingan dan keraian serta persiapan-persiapan yang dilaksanakan bagi sambutan berkenaan.

>> Muka 9

PPPBD platform lahirkan pemimpin muda berwibawa, berintegriti

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita dapat hadir di Mesyuarat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli-ahli mesyuarat pagi ini.

Suku terakhir tahun lepas, PPPBD telah banyak mengunyahkan aktiviti yang menarik dan bermanfaat, termasuklah

acara antarabangsa iaitu Share, Learn, Grow yang telah mendapat sambutan yang baik di kalangan Persatuan Dunia Rantau Asia Pasifik khususnya Pandu Puteri dan Pengakap Puteri. Dalam kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada PPPBD atas kejayaan tersebut.

Walaupun begitu, masih lagi terdapat beberapa bidang yang boleh diterokai oleh persatuan ke arah memperbaiki dan meningkatkan lagi program bagi ahli-ahlinya. Di antaranya ialah dalam penggunaan teknologi kerana ianya memainkan peranan

yang penting di dalam dunia digital pada ketika ini. PPPBD perlulah mengambil peluang untuk membimbing generasi muda Pandu Puteri ke arah mempraktikkan penggunaan teknologi selaras dengan perubahan zaman.

Mungkin sudah tiba masanya juga untuk persatuan ini berkembang di luar peringkat sekolah sebagai persatuan berasaskan komuniti, supaya dapatlah bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk meningkatkan pembangunan masyarakat dan negara.

Namun dalam merangka apa jua aktiviti, janganlah lupa menyerapkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) di dalam program-program berkenaan supaya ianya dapat memberikan aspirasi dan nilai kebangsaan kita sendiri.

Saya percaya persatuan ini adalah platform yang sangat sesuai bagi melahirkan Pandu Puteri yang berkaliber dan berwawasan tinggi di samping melahirkan pemimpin-pemimpin muda yang berwibawa dan berintegriti. Maka adalah penting bagi pemimpin persatuan untuk memiliki kemahiran kepimpinan dan menerapkan ciri-ciri tersebut di kalangan ahli-ahlinya.

Buat akhirnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pemegang-pemegang jawatan baharu. Saya berharap semoga semua ahli persatuan akan sentiasa menjadi PPPBD tetap relevan walaupun berhadapan dengan cabaran perubahan dan perkembangan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Mesyuarat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam yang berlangsung di Bilik Persidangan, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada Ahad, 18 Februari 2024.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
Februari MASIHI	HARI	Syaaban HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	RABU	11	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
22	KHAMIS	12	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44
23	JUMAAT	13	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.53	6.34	7.43
24	SABTU	14	5.06	5.16	6.34	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	AHAD	15	5.05	5.15	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
26	ISNIN	16	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	SELASA	17	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS			JUMAAT				
Bandar Seri Begawan										
32 26 °C			33 26 °C			32 26 °C				
Pekan Bangar										
32 26 °C			33 26 °C			32 26 °C				
Pekan Tutong										
32 26 °C			33 26 °C			32 26 °C				
Kuala Belait										
32 26 °C			33 26 °C			32 26 °C				

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 21 FEBRUARI 2024

Manfaatkan kelebihan bulan Syaaban

KETIKA ini kita sudah pun masuk dalam bulan Syaaban sebelum menyambut kedatangan Ramadan. Berpuasa pada bulan Syaaban termasuk dalam perkara sunat. Begitu juga disunatkan untuk memperbanyakkan berpuasa di dalamnya. Selain itu terdapat riwayat yang menceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak berpuasa pada bulan ini.

Bahkan ada juga yang menceritakan bahawa Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa pada keseluruhan bulan Syaaban. Hal ini adalah sebagaimana riwayat daripada Aisyah Radiallahuanha yang maksudnya : "Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyempurnakan puasa satu bulan penuh selain puasa Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda begitu banyak berpuasa berbanding bulan Syaaban".

Begitu juga riwayat daripada Ummu Salamah Radiallahuanha yang maksudnya : "Aku tidak pernah melihat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berpuasa selama dua bulan berturut-turut melainkan Baginda akan menyambung puasa Syaaban dengan Ramadan".

Sebahagian ulama menyebutkan, berpuasa pada bulan Syaaban seperti mana Sunat Rawatib yang dinisbahkan kepada sembahyang-sembahyang fardu. Hal ini kerana ia seolah-olah mukadimah bagi bulan Ramadan yakni seolah-olah Sunat Rawatib bagi bulan Ramadan.

Oleh yang demikian, disunatkan untuk berpuasa pada bulan Syaaban dan disunatkan juga untuk berpuasa enam hari dalam bulan Syawal seperti mana Sembahyang Sunat Rawatib sebelum sembahyang fardu dan selepasnya.

Selain itu, puasa sunat pada bulan Syaaban juga mengandungi faedah dan manfaatnya. Di antaranya adalah untuk mempersiapkan diri dan membuat persediaan agar dirinya bersedia bagi menunaikan puasa pada bulan Ramadan. Dalam erti kata lain, dirinya akan lebih mudah untuk menunaikan puasa sebulan pada bulan Ramadan kerana telah bersedia lebih awal lagi pada bulan sebelumnya.

Selain itu terdapat riwayat daripada Usamah bin Zaid, beliau telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Wahai Rasulullah! Aku belum pernah melihat engkau berpuasa dalam bulan daripada bulan-bulan yang lain, seperti mana engkau berpuasa dalam bulan Syaaban?"

"Baginda menjawab : "Bulan ini dilalaikan oleh orang ramai, ia berada antara Rejab dan Ramadan. Ia juga adalah bulan yang diangkat amalan-amalan kepada Tuhan sekalian alam. Maka aku suka amalanku diangkat, ketika itu aku sedang berpuasa".

Oleh itu, berdasarkan perbincangan dalam sebuah portal ilmu, berpendapat bahawa disunatkan untuk memperbanyakkan puasa sunat dalam bulan Syaaban kerana nas yang sahih menunjukkan bahawa Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memperbanyakkan puasa dalam bulan Syaaban ini.

Tambahan lagi, antara hikmah berpuasa pada bulan Syaaban juga adalah untuk mempersiapkan diri dari segi tubuh badan dan mental, agar lebih bersedia dan mudah untuk menunaikan puasa sebulan dalam bulan Ramadan yang akan datang.

- Ketua Penyuntingan (Zk)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دچينق اوله قرينت قلس سندريرين برحد، نكارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM Ke-50



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-50 Tahun (atas dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-50 Tahun bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

Berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA dan Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

Atur cara Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bertahil beramai-ramai dan seterusnya bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-50 Tahun.

Kemudian diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Para jemputan khas di antaranya adalah sebahagian para penyumbang-penyumbang tetap DANA, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.

DANA merupakan pesambah yang berkekalan dalam bentuk yayasan amal yang disebarkan oleh YSHHB bersempena dan pada memperingati Pemasyruran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 Hijrah bersamaan 10 Ogos 1998 Masihi.

DANA telah ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429 Hijrah bersamaan 25 Ogos 1998 Masihi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang Ke-50 Tahun (atas dan kiri).



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

- ✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



SOLAT SUNAT HAJAT MEMOHON KEBERKATAN, KELANCARAN MMN



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Solat Sunat Hajat (atas). Sementara gambar kiri, majlis diteruskan dengan Solat Sunat Hajat dan diselajurkan dengan Solat Fardu Asar Berjemaah.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Momin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) akan berlangsung tidak lama lagi.

Justeru itu, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat hari ini

mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat yang diadakan di Surau jabatan berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul

Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah; dan Yang Berhormat Ahli-ahli

MMN.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Haji Abdul Aziz bin Haji Abd. Ghani.

Majlis diteruskan lagi dengan Solat Sunat Hajat dan diselajurkan dengan Solat Fardu Asar Berjemaah.

Majlis berkenaan diadakan untuk memohon keberkatan serta kelancaran bagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN dan di sepanjang hari-hari persidangan yang akan berlangsung pada tahun ini agar ia berjalan dengan sempurna, lancar dan baik.

RPN Kampung Rimba bakal miliki masjid baharu

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan laungan azan dan bacaan zikir mendirikan tiang masjid baharu secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Majlis diteruskan lagi dengan acara menuang simen yang diaduh oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, diikuti oleh para jemputan khas yang lain.

Doa Selamat pula kemudiannya dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Di penghujung majlis, kedua tetamu kehormat serta para jemputan yang hadir menyaksikan lebih dekat ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu berkenaan yang dipamerkan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pembangunan.

Turut hadir, pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU dan Kementerian Pembangunan serta penduduk



kampung yang tinggal di sekitarnya.

Keseluruhan kapasiti masjid baharu RPN Kampung Rimba berkenaan boleh menampung seramai kira-kira 1,500 jemaah.

Antara kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan termasuk dewan sembahyang utama lelaki, dewan sembahyang perempuan, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Bilik P.A. Sistem, Pejabat Imam dan Bilal, tandas dan tempat berwudhu lelaki, tandas dan tempat berwudhu perempuan, tandas Orang Berkeperluan Khas (OBK) lelaki, tandas OBK perempuan, Bilik Pengurusan

Jenazah, Bilik Stor, dapur dan tempat letak kereta orang awam serta tempat kereta OBK.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Mendirikan Tiang Masjid Baharu di kampung berkenaan dan seterusnya menyaksikan lebih dekat ciri-ciri reka bentuk bangunan masjid baharu yang dipamerkan (atas dan kanan).



SESI MUZAKARAH KONGSI INISIATIF, PERANCANGAN JPM



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam ucapan alu-aluannya semasa Sesi Muzakarah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama Ahli-ahli Yang Berhormat



TURUT hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



MMN bagi Tahun 2024, yang berlangsung di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan JPM.

Ke arah ini, Yang Berhormat seterusnya menerangkan status terkini bagi inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dan perancangan ke hadapan berkaitan keutamaan dan bidang fokus JPM, iaitu antaranya pencapaian Wawasan Brunei 2035 yang sentiasa dipantau khasnya menerusi Kerangka Kerja Wawasan 2035 yang disejajarkan dengan ketiga-tiga *blueprint* berkaitan; dan usaha-usaha menerusi pelan tindakan yang dibentuk dalam memastikan pencapaian Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (SDGs).

Seterusnya, Yang Berhormat menyentuh mengenai inisiatif-inisiatif pembaharuan dan penambahbaikan berkaitan dengan dasar dan peraturan dalam

Perkhidmatan Awam, termasuk hal ehwal sumber tenaga manusia serta usaha-usaha meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan; dan isu-isu pengangguran dan pengambilan tenaga kerja di sektor swasta khasnya anak-anak tempatan termasuk perancangan bagi memperluaskan peluang pekerjaan kepada golongan-golongan tertentu.

Menyentuh mengenai dengan perkembangan di dalam sektor tenaga pula, Yang Berhormat turut mengongsikan perkembangan inisiatif-inisiatif ke arah menjamin bekalan sumber tenaga melalui peningkatan liputan ke Mukim Sukang dan Melilas, Daerah Belait, selain memastikan sumber minyak dan gas adalah mencukupi dan berterusan bagi tujuan bekalan tenaga elektrik, produk petroleum dan juga tong Liquefied Petroleum Gas (LPG).

"Selain itu, inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan

pertumbuhan mampan sektor tenaga khasnya berhubung pembangunan sumber-sumber di lautan dalam dan aktiviti-aktiviti kemajuan dan eksplorasi serta usaha-usaha untuk memperkembangkan Sektor Hiliran Minyak dan Gas di negara ini.

"Beberapa usaha telah pun giat dilaksanakan bagi memaksimumkan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan melalui Arah Bruneianisation; dan peluang-peluang perniagaan dan perusahaan tempatan melalui Arah Bruneian Local Business Development.

"Bagi mendukung aspirasi negara untuk menuju ke arah Net Zero, keutamaan adalah diberikan oleh JPM bagi menguruskan pelepasan gas rumah hijau di sektor tenaga termasuk sektor hulu dan hiliran minyak dan gas, dan sistem bekalan tenaga," ujar Yang Berhormat.

Turut hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Manakala seramai 19 Ahli Yang Berhormat MMN juga menghadiri

ANTARA Ahli MMN yang menghadiri Sesi Muzakarah berkenaan (kiri). Manakala gambar kiri sekali, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin selaku ketua rombongan.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Sesi Muzakarah berkenaan yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Sesi Muzakarah berkenaan bermula dengan sesi bergambar ramai dan diikuti sesi perbincangan yang didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Sesi Muzakarah bersama Ahli-ahli Yang Berhormat MMN berkenaan merupakan wadah bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk mengongsikan maklumat terkini mengenai pencapaian dan perkhidmatan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035; di samping bagi kedua-dua pihak untuk berkongsi idea, pandangan dan cadangan ke arah meningkatkan pemberian perkhidmatan JPM.



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kementerian kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



KOMITMEN NBD MEWUJUDKAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN BERKEMBANG MAJU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada perhimpunan Meja Bulat Ekonomi Brunei (Brunei Economy Roundtable) yang berlangsung di Ruang Komuniti Baiduri dan seterusnya menyampaikan ucapan (kiri dan kanan).



pelbagai pihak untuk mencapai agenda negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui menyatakan kepentingan memacu penglibatan berterusan antara sektor awam dan swasta, serta antara komuniti perniagaan NBD dan ASEAN.

"Adalah jelas bahawa lebih banyak dialog dan penglibatan adalah kunci kepada kemajuan.

"Ini tentang berkumpul, berkongsi idea dan bekerjasama ke arah matlamat bersama dan bekerjasama serta memanfaatkan sumber, kemahiran dan rangkaian masing-masing, kita boleh membuka pasaran baharu untuk NBD, mencipta skala ekonomi dan menyumbang kepada aspirasi pertumbuhan NBD," kata Ti Eng Hui.

Menyoroti kepentingan kesalinghubungan serantau, Ketua Pegawai Eksekutif Dinamik Technologies, Dayang Haslina Taib, selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei, menggariskan adalah penting bagi NBD untuk memanfaatkan peluang yang dibentangkan di Borneo, dengan sumber aslinya yang pelbagai, populasi yang semakin meningkat dan ekonomi berkembang.

Kesalinghubungan yang lebih luas dalam Borneo termasuk keterhubungan digital ujarnya lagi, menawarkan peluang untuk pelaburan, perdagangan dan pengembangan pasaran merentasi pelbagai sektor seperti pertanian, pelancongan, tenaga dan teknologi. "Dengan memanfaatkan penyumbangan luar dan perindustrian sebagai strategi utama, NBD boleh memacu daya saing, kemampunan dan kemakmuran jangka panjang dalam ekonomi global yang berkembang pesat," kata Dayang Haslina Taib.

Manakala, Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Bank Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan APEC Brunei, pula menekankan peranan penting kolaborasi dan dialog

dalam memacu kemajuan dan kemakmuran.

Beliau menyatakan komitmen kolektif berkenaan membuka pasaran, inovasi, dan pertumbuhan inklusif adalah penting dalam mengemudi landskap dinamik perdagangan dan pelaburan global.

Turut hadir pada Meja Bulat berkenaan adalah pakar industri dan pemimpin perniagaan terkemuka dari Bank Baiduri, Darussalam Assets, Brunei LNG, Brunei Shell Petroleum, TotalEnergies, Huawei, Darussalam Enterprise, Lembaga Pembangunan Ekonomi Brunei, Dewan Perniagaan dan Industri NBD dan lebih ramai lagi berkumpul di Meja Bulat peringkat tinggi, disatukan dengan tumpuan untuk membina ekonomi yang berdaya tahan dan dinamik untuk NBD.

Para peserta berkongsi perspektif mereka tentang prospek ekonomi untuk tahun hadapan, peluang utama untuk komuniti perniagaan dan cadangan dasar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.

Perbincangan berkenaan mengenal pasti beberapa tema utama, seperti membangunkan ekonomi hijau yang merangkumi tenaga boleh diperbaharui, persediaan untuk masa depan digital dan memastikan tenaga kerja sedia masa hadapan yang berkebolehpasaran untuk menyesuaikan diri dengan dunia kerja baharu yang dipengaruhi oleh kecerdasan buatan (AI).

Meja Bulat Ekonomi Brunei 2024 adalah elemen Program Ekonomi Brunei yang dihoskan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC NBD dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dengan kerjasama perniagaan terkemuka untuk menghubungkan isu global dengan ekonomi NBD.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan APEC dan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Februari. - Tokoh-tokoh terkemuka daripada sektor awam dan swasta Negara Brunei Darussalam (NBD) berhimpun hari ini di Ruang Komuniti Baiduri untuk Meja Bulat Ekonomi Brunei (Brunei Economy Roundtable) bertemakan 'Pembuktian Masa Depan Brunei : Melabur Dalam Generasi Pemacu Ekonomi Akan Datang'.

Dianjurkan oleh Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan APEC Brunei dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Meja Bulat berkenaan memberi pandangan menyeluruh tentang masa depan ekonomi NBD dan mengenal pasti bidang utama untuk pelaburan dan pertumbuhan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menetapkan peringkat dengan mengesahkan komitmen kerajaan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang berkembang maju.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan peranan penting perkongsian awam-swasta dalam memacu pembangunan ekonomi, menonjolkan sokongan aktif kerajaan untuk sektor strategik dan memupuk benih pertumbuhan mampan untuk generasi akan datang.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kepentingan untuk mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan tanggungjawab alam sekitar serta penglibatan dan kerjasama

ANTARA yang hadir pada perhimpunan Meja Bulat Ekonomi Brunei yang bertemakan 'Pembuktian Masa Depan Brunei : Melabur Dalam Generasi Pemacu Ekonomi Akan Datang'.



Peluang sertai Kempen Derma Darah

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

TARIKH & MASA	TEMPAT
Selasa 20 Februari 2024 10.00 pagi hingga 2.00 petang	Tingkat 3, Bangunan Wisma Jaya, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan Anjuran Tricor Sdn Bhd
Rabu 21 Februari 2024 10.00 pagi hingga 2.30 petang	Kawasan Lobi KB Sentral, Kuala Belait Anjuran Champion X
Khamis 22 Februari 2024 10.00 pagi hingga 3.00 petang	Onecity Shopping Centre, Jalan Utama Salambigar, Kg Sungai Hanching Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke 40 Tahun

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Selasa, 20 Februari 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Tingkat 3, Bangunan Wisma Jaya, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan anjuran Tricor Sdn. Bhd.

Manakala pada Rabu, 21 Februari 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di kawasan Lobi KB Sentral, Kuala Belait anjuran Champion X. Sementara pada Khamis, 22 Februari 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang bertempat di Onecity Shopping Centre, Jalan Utama Salambigar, Kampung Sungai Hanching sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40

Tahun.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu mengekalkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah berkenaan adalah sangat digalakkan.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



Kementerian Kesihatan adakan Sambutan Israk, Mikraj



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Hijrah bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Mu'minun (ayat 1 hingga ayat 11) oleh johan qari Peringkat Antarabangsa Negara Brunei Darussalam, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.

Majlis ditutup dengan bacaan Doa Selamat oleh Guru Ugama Terlatih, Unit Perkhidmatan Agama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Mohd. Emmarul bin Haji Azamain.

Turut hadir pada majlis ini ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Anie Haryani

binti Haji Abd. Rahman; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Md. Ismail, ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Majlis Sambutan Israk Mikraj pada tahun ini dikelolakan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan.

CERAMAH disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



BERAKAS, Selasa, 20 Februari. - Peristiwa Israk dan Mikraj bukan sahaja satu cerita ataupun sejarah yang hanya dibaca dan didengar, malah ia adalah untuk kita ambil iktibar dan teladan daripadanya agar jiwa umat Islam semakin mantap dan akan dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah.

Mukjizat Israk dan Mikraj serta peristiwa-peristiwa kebesaran Islam yang disambut pada setiap tahun adalah sebagai meningkatkan kecintaan kita terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Demikian antara isi inti pati ceramah bertajuk, 'Prayers Beyond The Motions' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Institut

Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Siti Hanisah binti Haji Othman selaku penceramah undangan pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Hijrah bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bagi Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Dalam ceramah tersebut, Dayang Siti Hanisah juga turut menyentuh untuk melatih diri agar sentiasa rasa bersyukur terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu, acara dimulakan

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.



105,000 PESERTA SAHUT CABARAN 80 BILION LANGKAH BERSAMA



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Mengikut statistik ASEAN Sports Survey, 2022, berjalan kaki dikenal pasti sebagai salah satu kegiatan fizikal yang paling terkenal di Negara Brunei Darussalam.

Berikutan daripada hasil dapatan kajian berkenaan, Kementerian Kesihatan memperkenalkan Cabaran 1 Bilion Langkah Bersama yang telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

Cabaran berkenaan seterusnya dipertingkatkan kepada 20 Bilion Langkah Bersama sehingga Disember 2022.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Ketua Strategi Masyarakat Aktif, Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Norhayati binti Haji Ahmad selaku Pengurus Program 'BN on the Move' semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah bagi pemenang Cabaran 80 Bilion Langkah Bersama - Kempen 'BN on the Move' bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Bagi menggalakkan masyarakat untuk lebih bergiat aktif secara



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat majlis bergambar ramai bersama para pemenang (atas), manakala gambar atas kiri, Pegawai Perubatan Kanan, Ketua Strategi Masyarakat Aktif, Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Dayang Norhayati binti Haji Ahmad selaku Pengurus Program 'BN on the Move' semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

konsisten ujanjarnya, Kementerian Kesihatan meneruskan Cabaran 80 Bilion Langkah Bersama pada Ogos 2023.

Dr. Dayang Norhayati seterusnya mengongsikan sebanyak 105,000 peserta menyahut cabaran berkenaan dan telah mencapai sasaran 80 Bilion Langkah Bersama dalam masa empat bulan dan 12 hari.

Oleh itu tambahannya, orang ramai juga digalakkan untuk terus menjalani gaya hidup sihat dan kekal aktif, serta mengemas kini langkah mereka dalam aplikasi BruHealth setiap hari.

"Kementerian kesihatan menyeru masyarakat untuk meneruskan cara hidup yang sihat dengan sentiasa mengamalkan kegiatan fizikal

secara konsisten.

"Ia akan dapat membantu mencegah atau mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah meningkatkan kualiti kehidupan," ujanjarnya.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, selaku tetamu kehormat majlis.

Terdapat tiga kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Cabaran Langkah Komuniti; Kategori Cabaran Korporat Kementerian Kesihatan; dan

Kategori Cabaran Korporat.

Bagi Kategori Cabaran Langkah Komuniti, tiga pemenang secara berkumpulan iaitu Pasukan Lovely di tempat pertama, tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Seri Perwira dan tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Usaha Kitani.

Dua individu yang berjaya mencatat langkah tertinggi dalam Kategori Individu iaitu bagi Kategori Lelaki dijuarai oleh Ang Chee Ming dan bagi Kategori Perempuan dimenangi oleh Dayangku Noor Amal Shahirah Hazerah.

10 buah syarikat turut serta dalam Kategori Cabaran Korporat dan memberi sokongan dalam menyahut Cabaran 80 Bilion

Langkah Bersama iaitu Print Plus Sdn. Bhd.; Imagine Sdn. Bhd.; Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) & Darussalam Enterprise (DARE); Baiduri Bank; Syarikat Brunei LNG Sdn. Bhd.; ThreeG Media Sdn. Bhd.; Makan Ceria Sdn. Bhd.; Serikandi Group of Companies dan EVYD Technology.

'BN on the Move' adalah kempen khusus bagi pelan promosi kesihatan bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui berjalan kaki atau meningkatkan tahap kegiatan fizikal melalui aktiviti-aktiviti senaman yang dapat meningkatkan jumlah langkah setiap hari sama ada secara perseorangan atau secara berkumpulan dan di tempat kerja mahupun tempat awam.

PASTIKAN KELANCARAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir menyaksikan latihan penuh berkenaan.

mulai hadir memenuhi kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah seawal jam 6.00 pagi lagi.

Manakala bagi melancarkan perjalanan kenderaan keluar masuk ke kawasan stadium berkenaan, beberapa batang jalan juga dikawal selia oleh anggota daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

Hadir menyaksikan latihan penuh berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.

Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 akan mengetengahkan Acara Perbarisan Lalu yang akan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' terdiri daripada Kepala Perbarisan, iaitu Pembawa Bendera Besar, Kumpulan Pembaca Ikrar dan Takbir dan Pembawa Bendera Negara dan Logo, Pasukan Beruniform, Pasukan Kadet, Persatuan Beruniform dan Sektor Awam manakala Kumpulan 'B' terdiri daripada Sektor Pendidikan, Persatuan dan Syarikat Swasta.

Bagi persembahan pula, akan melibatkan tiga persembahan: Persembahan Pertama bertemakan : 'Cita Bangsa Sejarah Terukir';

LATIHAN giat dijalankan bagi memastikan kelancaran upacara berkenaan telah diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (atas sekali, atas kiri, kanan, bawah kiri dan bawah kanan).



Persembahan Kedua : 'Bersatu Mempertahankan Bangsa' dan Persembahan Ketiga : 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Sementara itu, lebih kurang 8,000 tempat duduk juga tersedia untuk orang ramai yang ingin menyaksikan upacara tersebut secara langsung di mana satu aplikasi atas talian iaitu aplikasi web Tiket Kitani telah diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai menempah tempat duduk mengikut zon, pagar dan seksyen semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang akan menghadiri Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40, Tahun 2024 nanti diingatkan untuk memakai pakaian kemas dan sopan.

Walau bagaimanapun, bagi mereka yang tidak berpeluang untuk menempah tiket masuk pula boleh mengikuti upacara tersebut melalui kaca-kaca televisyen di rumah masing-masing yang mana ia akan disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB). Latihan penuh ini akan diteruskan lagi esok, 21 Februari dan lusa, 22 Februari 2024.

Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, ialah 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tema ini mengingatkan betapa pentingnya kerjasama dengan Pendekatan Seluruh Negara (Whole of Nation Approach) untuk kemajuan negara dan keselamatan dunia dan akhirat. Kemerdekaan dan kedaulatan Negara Melayu Islam Beraja, insyaaAllah, akan sentiasa terpelihara.

BERAKAS, Selasa, 20 Februari. - Acara Kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 akan diadakan pada Sabtu, 14 Syaaban 1445 bersamaan 24 Februari 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bermula jam 9.00 pagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam akan berkenan berangkat bercemerai ke upacara tersebut nanti.

Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kali ini akan melibatkan kira-kira 25,000 peserta dalam kalangan penuntut dan warga Perkhidmatan Awam yang menyertai dalam Acara Perbarisan dan Persembahan Padang.

Sehubungan itu, latihan-latihan bagi acara kemuncak berkenaan giat diadakan di mana latihan (*dry run*) bagi memastikan kelancaran upacara berkenaan telah diadakan pagi tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Semangat patriotisme yang tinggi daripada setiap peserta yang terlibat jelas dilihat apabila mereka



25,000 BAKAL MERIAHKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN



SETIAUSAHA Tetap (Kemasyarakatan), KKBS selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 semasa mengongsikan maklumat mengenai Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024.

>> Muka 1

Beliau mengongsikan bahawa Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran akan diadakan secara serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Terangnya lagi, majlis berkenaan akan diadakan pada Khamis (malam Jumaat), 12 Syaaban 1445H bersamaan 22 Februari 2024M bermula pada jam 5.45 petang di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, sebagai tumpuan utama.

Di Daerah Tutong tambahna, tumpuan utama di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; Daerah Belait, di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Pekan Kuala Belait; manakala di Daerah Temburong, tumpuan utama adalah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Dayang Hajah Nor Ashikin seterusnya menjelaskan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-40 akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB),

Berakas pada 24 Februari 2024, bermula jam 9.00 pagi.

"Maka latihan-latihan bagi acara persembahan padang yang melibatkan seramai 25,000 penuntut dan warga Perkhidmatan Awam sedang giat diadakan.

"Latihan penuh (Full Dress Rehearsal) masing-masing akan diadakan pada 20, 21 dan 22 Februari 2024," ujarnya.

Menurutnya, perbarisan lalu akan dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' yang terdiri daripada Kepala Perbarisan, iaitu Pembawa Bendera Besar, Kumpulan Pembaca Ikrar dan Takbir, dan Pembawa Bendera Negara dan Logo, pasukan beruniform, pasukan kadet, persatuan beruniform dan sektor awam.

Manakala tambahna, Kumpulan 'B' terdiri daripada sektor pendidikan, persatuan dan syarikat swasta.

Bagi persembahan katanya akan melibatkan tiga persembahan, iaitu Persembahan Pertama bertemakan : 'Cita Bangsa Sejarah Terukir'; Persembahan Kedua : 'Bersatu Mempertahankan Bangsa'; dan Persembahan Ketiga : 'Bersatu

Mencapai Cita Negara'.

Beliau juga turut mengongsikan mengenai Riadah Berbasikal Semangat Hari Kebangsaan yang akan diadakan pada Ahad, 29 Syaaban 1445H bersamaan 10 Mac 2024M dengan jarak anggaran berbasikal adalah sejauh 10.30 kilometer(km) yang juga akan melibatkan satu pasukan berbasikal membuat kayuhan sejauh 40km.

"Di samping itu, beberapa acara sampingan akan diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, antaranya Majlis Khatam Al-Quran 40 Kali Khatam yang akan, insyaaAllah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah pada Isnin, 16 Syaaban 1445H bersamaan 26 Februari 2024M, yang akan melibatkan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

"Tumpuan masjid bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Jame' Asr Hassanil Bolkiah; Daerah Tutong ialah Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang; Masjid RPN Kampung Pandan, Daerah Belait; dan Masjid RPN Kampung Rataie di Daerah Temburong," jelasnya.

Dayang Hajah Nor Ashikin juga turut mengongsikan mengenai Majlis Pengagihan Bendera Kecil dan Program Semarak Pengibaran Bendera telah diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, iaitu pada Khamis, 5 Syaaban 1445H bersamaan 15 Februari 2024M.

Upacara Menaikkan Bendera Besar NBD terangnya, bagi

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

menandakan bermulanya pengibaran bendera negara yang diadakan pada Jumaat, 6 Syaaban 1445H bersamaan 16 Februari 2024M, jam 8.00 pagi di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Bandar Seri Begawan (BSB).

Manakala jelasnya, Upacara Menurunkan Bendera Besar, akan diadakan pada Ahad, 15 Syaaban 1445H bersamaan 25 Februari 2024M di kawasan lapang Kompleks YSHHB, BSB pada jam 2.00 petang.

Sidang Media tersebut turut dihadiri oleh beberapa Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, yang juga turut memberikan penerangan, iaitu Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penyertaan Penuntut; Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, selaku Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol; Pengarah, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Penguasa Kanan Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Keselamatan

(Sekuriti) dan Lalulintas; Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Dayang Zainab binti Haji Morshidi, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Acara-acara Keraian dan Sampingan; Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Awang Mohammad Iskandar bin Haji Idris, selaku Jawatankuasa Kerja Pengangkutan; Pemangku Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Haji Awang Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit, selaku Jawatankuasa Kerja Tim Kreatif; Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Haji Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi; Ketua Perkhidmatan Emergency Medical Ambulances Services, Dayang Hajah Nora binti Haji Mohd. Yusof; dan Ketua Transformasi Digital, KKBS, Dayang Umi Faizura binti Ismail.

Sidang Media diselajurkan dengan penyampaian Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 oleh Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin kepada ahli panel, Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian, termasuk jabatan-jabatan di bawah KKBS serta rakan media.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

INGIN MENGETAHUI TARIKH UJIAN / TEMU DUGA AWDA?

Layari www.recruitment.gov.bn dan semak "Kalendar Saya"

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn

SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri menyampaikan Poster Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, Tahun 2024 kepada Pengetua Pusat Sejarah Brunei.





IRSYAD HUKUM

جَانِبٌ مِّنْ كَرَامَاتِهِ
جَانِبٌ مِّنْ كَرَامَاتِهِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, shalawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

HARI Jumaat merupakan hari yang sangat istimewa dan mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Antaranya ialah hari Jumaat merupakan hari terbaik antara semua hari dan penghulu segala hari. Umat Islam dimakruhkan berpuasa sunat pada hari Jumaat tanpa menggandingkannya dengan hari sebelum atau selepasnya. Di samping itu, umat Islam juga digalakkan untuk melakukan perkara-perkara sunat antaranya mandi, berwangi-wangian, bersiwak, memakai pakaian terbaik, membaca surah al-Kahfi, memperbanyak shalawat dan berbagai tuntutan yang lain.

Satu lagi tuntutan pada hari Jumaat yang selayaknya direbut dan jangan sekali-kali ditinggalkan ialah memperbanyak doa. Lebih-lebih lagi, pada hari Jumaat itu terdapat satu waktu yang tidak akan ditolak doa padanya. Perkara ini berdasarkan hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawasanya Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Padanya (hari Jumaat) terdapat suatu waktu yang tidak bertepatan dengannya seorang hamba muslim yang

Memperbanyak Doa Pada Hari Jumaat

melazimi berdoa memohon sesuatu (dari Allah Ta'ala melainkan Dia (Allah Ta'ala) akan memperkenankannya (memakbulkan permintaannya itu). (Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu berkata): Dan Baginda menunjukkan isyarat dengan tangan Baginda (untuk menunjukkan) tempohnya yang singkat.

(Hadits riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut para ulama asy-Syafi'i, sunat hukumnya memperbanyak doa pada hari Jumaat. Maksud hari Jumaat dalam hal ini merangkumi malam Jumaat dan siang.

Adapun sebab tuntutan memperbanyak doa pada siang hari Jumaat ini ialah dengan harapan doa tersebut bertepatan dengan waktu *ijabah* (dimakbulkan doa). Manakala tuntutan memperbanyak doa pada malam Jumaat pula ialah atas dasar qiyas terhadap tuntutan memperbanyak doa pada siang hari Jumaat. Di samping itu, Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* juga menggalakkannya dan menyatakan bahawa telah sampai kepada beliau bahawa doa dimakbulkan pada malam Jumaat.

Terdapat banyak pendapat tentang waktu *ijabah* pada hari Jumaat ini. Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu'*, para ulama berbeza pendapat dalam menentukan waktu *ijabah* ini kepada 11 pendapat, iaitu:

- Di antara terbit fajar dan terbit matahari.
- Ketika *zawal* (tergelincir matahari).
- Dari *zawal* hingga imam keluar untuk membacakan khutbah.
- Dari *zawal* hingga bayang-bayang menjadi sekira-kira satu hasta.
- Dari keluarnya imam untuk membacakan khutbah hingga dia selesai sembahyang Jumaat.
- Di antara keluarnya imam untuk membacakan khutbah dan dia mengerjakan sembahyang Jumaat.
- Dari permulaan dikerjakan sembahyang Jumaat hingga selesai.
- Di antara duduknya imam di atas mimbar sehingga dia selesai sembahyang Jumaat.
- Dari waktu 'Ashar hingga terbenam matahari.
- Akhir waktu siang pada hari

Jumaat.

- xi. Ia tersembunyi dan berlaku pada waktu yang berbeza pada satu Jumaat dari satu Jumaat yang lainnya, sepertimana berbezanya jatuh Lailatulqadar pada satu Ramadhan dari satu Ramadhan yang lainnya.

Namun menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, pendapat yang tepat ialah pendapat yang kelapan iaitu ia berlaku di antara duduknya imam untuk membaca khutbah sehinggalah sembahyang Jumaat selesai dikerjakan.

Pendapat ini berdasarkan hadits daripada Abu Musa al-Asy'ari Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam menjelaskan waktu *ijabah* pada hari Jumaat itu berlaku pada waktu berkenaan. Baginda bersabda:

Maksudnya: Ia (waktu *ijabah* itu) di antara duduknya imam sehingga sembahyang (Jumaat) selesai dikerjakan.

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* lagi, hadits di atas ini memadai sebagai panduan bagi mengetahui waktu *ijabah* pada hari Jumaat itu kerana ia adalah hadits shahih dan secara jelas menyebut bila berlakunya waktu tersebut.

Imam Muslim *Rahimahullah* pula berkata mengenai hadits ini:

Ertinya: (Hadits) ini adalah hadits yang paling baik dan yang paling shahih dalam menerangkan waktu (*ijabah*) hari Jumaat.

Menurut al-Qadhi 'Iyadh *Rahimahullah*, maksud "di antara duduknya imam sehingga sembahyang (Jumaat) selesai dikerjakan" itu bukan bererti keseluruhan waktu tersebut adalah waktu *ijabah*. Bahkan maksudnya ialah ia berlaku dalam satu *lahzhah* iaitu satu waktu yang singkat di antara kedua-dua waktu berkenaan. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* berkata bahawa pendapat al-Qadhi 'Iyadh *Rahimahullah* ini adalah tepat. Pendapat berkenaan juga turut disokong oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah* serta beberapa ulama asy-Syafi'i yang lain.

Menurut Imam al-Bulqini *Rahimahullah*, pemilihan waktu di atas ini tidak bercanggah dengan tuntutan diam ketika khutbah kerana tidak menjadi syarat ketika berdoa untuk

melafazkannya. Bahkan memadai berdoa dengan menghadirkan doa berkenaan dalam hati.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* bahawa apa yang zahir mengenai waktu *ijabah* ini ialah waktu *ijabah* itu berbeza mengikut tempat. Ini bererti, waktu *ijabah* itu adalah mengikut bila waktu imam di tempat berkenaan duduk untuk membaca khutbah sehinggalah sembahyang Jumaat selesai dikerjakan. Sebagai contoh, waktu *ijabah* bagi jemaah Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin ialah di antara duduknya imam masjid tersebut untuk membaca khutbah sehinggalah dia memberi salam sembahyang Jumaat. Manakala waktu *ijabah* bagi jemaah Masjid Perpindahan Lambak Kanan pula ialah di antara duduknya imam masjid tersebut untuk membaca khutbah sehinggalah dia memberi salam dalam sembahyang Jumaat. Begitulah juga halnya bagi masjid-masjid yang lain.

Adapun mengenai riwayat serta pendapat yang menyatakan bahawa waktu *ijabah* itu berlaku pada selain waktu berkenaan, maka menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, ada kemungkinannya juga waktu *ijabah* itu berpindah-pindah iaitu ia berlaku dalam waktu yang berlainan pada satu Jumaat dan dalam waktu yang berlainan pada satu Jumaat yang lainnya. Perkara ini serupa dengan Lailatulqadar yang tidak tetap bila berlakunya pada satu Ramadhan dengan satu Ramadhan yang lainnya.

Oleh yang demikian, sebagai usaha untuk mendapatkan waktu *ijabah* ini, Imam Abu Bakr al-Atsram *Rahimahullah* menyebut bahawa amalan yang terbaik ialah dengan mencari waktu *ijabah* tersebut pada semua waktu yang disebut dalam pendapat-pendapat berkenaan.

Tambahan pula, malam Jumaat serta siang itu kesemuanya adalah waktu yang disunatkan untuk memperbanyak doa. Maka dari itu, umat Islam sewajarnya merebut peluang berkenaan dengan memperbanyak doa pada malam dan siang hari Jumaat. Selain mencari waktu *ijabah*, dia juga mendapat pahala kerana mengerjakan salah satu tuntutan sunat pada hari Jumaat.

Demikian penjelasan mengenai memperbanyak doa pada hari Jumaat.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

DI masa ini, di mana penggunaan media sosial yang serba canggih, kebanyakan golongan muda sering menggunakan media sosial untuk membuat teguran, mengecam dan menghina seseorang. Tanpa ada segen silu mereka menegur secara terbuka, menularkan aib mereka yang dirasakan salah dan mengecam setiap segala sesuatu yang tidak menepati cita rasa mereka. Semuanya dilakukan kononnya sebatas niat baik untuk menuju ke jalan yang benar dan diredai-Nya.

Ramai yang suka menegur menggunakan cara yang menyalahi syariat dan perintah agama kononnya untuk menegakkan kebenaran atau mengelak kejadian itu daripada berulang. Namun jarang sekali di antara penegur ini berfikir bahawa menegur atau memberi nasihat itu juga ada adab dan caranya.

Kebanyakan orang menegur atau memberi nasihat itu tidak mampu mengawal marah dan emosi hingga mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya hingga menyinggung perasaan orang yang ditegur. Inilah punca keadaan akan menjadi keruh dan timbul perbalahan, sedangkan Allah Subhanahu

Wata'ala telah berfirman dalam Surah Thaaha, ayat 44 yang mafhumnya :

"Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah-lembut, mudah-mudahan dia beringat (seder) atau takut (kepada Tuhan)".

Firman ini memberi maksud bahawa nasihat atau teguran itu hendaklah disampaikan dengan bahasa dan suara yang lembut tanpa disertai dengan perasaan marah mahupun emosi bagi menjaga hati orang yang ditegur agar mereka tidak merasa terhina dan rendah diri.

Nasihat dan teguran itu juga sebaiknya disampaikan secara tertutup supaya tidak membuka aib dan tidak menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur tersebut. Itulah pentingnya menyampaikan nasihat dan teguran dengan menggunakan akal fikiran dan hati, bukan dengan menggunakan emosi. Selepas menegur pula, hendaklah meminta maaf kepada mereka yang ditegur agar tidak timbul sebarang dendam dan perbalahan. Dengan meminta maaf juga mampu menunjukkan keikhlasan kita untuk menegurnya ke arah kebaikan dan membantu untuk membuka hati yang ditegur untuk menerima teguran tersebut.

Walau bagaimanapun, kita diingatkan untuk sentiasa bersangka baik kepada sesama manusia tak kira bangsa atau agama. Jika melihat kesalahan seseorang, anggaplah orang tersebut tidak menyedari atau tidak

tahu bahawa perbuatannya itu salah. Atau kita mengandaikan jika kita adalah orang yang membuat kesalahan tersebut yang sudah semestinya kita ingin ditegur secara lembut dan berhemah.

Amalan nasihat-menasihati dan tegur-menegur adalah amalan yang mulia andai dilakukan dengan keikhlasan hati semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Sampaikanlah nasihat dan teguran itu dengan berhemah dan penuh kelembutan agar kita hidup dalam suasana damai, harmoni serta bersatu padu tanpa

sebarang perbalahan seperti yang telah difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl, ayat 125 yang mafhumnya :

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Nabi Muhammad) dengan hikmah (kebijaksanaan) dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan-Nya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

NASIHAT dan teguran itu juga sebaiknya disampaikan secara tertutup supaya tidak membuka aib dan tidak menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur tersebut. Itulah pentingnya menyampaikan nasihat dan teguran dengan menggunakan akal fikiran dan hati, bukan dengan menggunakan emosi. Selepas menegur pula, hendaklah meminta maaf kepada mereka yang ditegur agar tidak timbul sebarang dendam dan perbalahan.

BUAT TEMPAHAN MELALUI APLIKASI WEB TIKET KITANI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzrie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-40 memaklumkan mengenai dua talian Hotline yang disediakan bagi memudahkan sebarang penyaluran sepanjang pelaksanaan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40.

Talian Hotline berkenaan ialah +673 8332212 (khusus bagi talian berkenaan perkara-perkara umum) dan +673 8332213 (khusus bagi hal ehwal berkaitan pelajar). Manakala bagi perkara-perkara kecemasan adalah 991.

"Kehadiran orang ramai adalah sangat dialu-alukan dan bagi memastikan pengurusan kemasukan dan tempat duduk orang ramai lebih teratur dan efisien, satu aplikasi dalam talian akan dilancarkan pada hari ini bagi memudahkan pengguna menempah tempat duduk mengikut zon, pagar dan seksyen semasa Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40," jelas Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 pada Sidang Media mengenai persediaan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40 diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, petang tadi.

Orang ramai juga jelasnya lagi bolehlah membuat tempahan melalui aplikasi web Tiket Kitani di laman sesawang <https://tiketkitani.gov.bn> bermula Isnin, 9 Syaaban 1445H bersamaan 19 Februari 2024M.

Beliau juga mengongsikan, sebanyak lebih kurang 8,000 tempat duduk tersedia untuk orang ramai dan zon-zon yang dibukakan kepada orang ramai adalah Zon Utara (Zon B) dan Zon Selatan (Zon D).

Kemasukan di Zon Utara tambahan, adalah melalui pintu masuk berdekatan dengan Scoreboard manakala bagi kemasukan di Zon Selatan adalah melalui pintu masuk berhadapan Bangunan Football Association Brunei Darussalam (FABD).

Turut dikongsikan ialah pagar-pagar yang akan dibukakan kepada orang ramai adalah pagar 5, 6, 7 di Zon Utara dan pagar 15, 16 dan 17 di Zon Selatan dan akan mula dibuka pada jam 6.30 pagi.

"Pengguna yang berdaftar menggunakan e-mel yang sah sahaja yang boleh membuat tempahan melalui aplikasi Tiket Kitani; seorang pendaftar boleh membuat tempahan sehingga tiga tempat duduk sahaja; pengguna akan diberikan tiket berbentuk digital pada aplikasi berkenaan yang akan menunjukkan nombor pagar, seksyen dan kerusi yang dipilih bagi memudahkan pencarian tempat duduk.

"Pemeriksa tiket akan menyediakan Kod QR untuk diimbas menggunakan aplikasi Tiket Kitani; pengguna yang menempah tiket lebih daripada satu hendaklah datang bersama-sama bagi *one-time check-in*; dan pengguna adalah dinasihatkan untuk membatalkan tempahan jika tidak berhasrat untuk hadir; ataupun mengurangkan jumlah tempahan jika tidak memerlukan, ini bagi memberi peluang kepada para pengguna yang lain," jelasnya.

Untuk makluman orang ramai juga terangnya, pemberian *walk-in pass* akan disediakan di kedua-dua zon tertakluk kepada ketersediaan tempat duduk yang masih ada dan *walk-in pass* berkenaan dikhususkan bagi para pengguna yang tidak mempunyai akaun e-mel.

Turut dikongsikan ialah kod pakaian bagi orang ramai yang akan menghadiri Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, adalah kemas dan sopan.

Beliau menjelaskan bahawa pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, juga menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada para rakan strategik korporat dan awam yang memberikan kerjasama termasuk sumbangan, yang berbentuk *in-kind* atau barangan bagi sama-sama memeriahkan dan menayakan sambutan tahun ini, khususnya kepada syarikat-syarikat yang memberi sumbangan peringkat Berlian (Diamond Tier), iaitu Bank Islam Brunei Darussalam; Syarikat Usahasama Brunei Shell; Brunei LNG Sendirian Berhad; Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad; Brunei Gas Carriers Sdn. Bhd.; Syarikat Gallop Air; Media Pertama; Borneo Bulletin dan Brunei Press Sendirian Berhad.

Selain itu ujaninya, penyumbang peringkat Platinum (Platinum Tier), iaitu DST dan penyumbang peringkat Emas (Gold Tier), iaitu Perbadanan TAIB dan anak syarikatnya; Insurans Islam TAIB; Darussalam Holdings; Stesen Pengisian TAIB serta restoran Jollibee dan McDonald's, Syarikat Sunlit dan Ong Marble Trading.

Katanya, pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, menyeru agar rakyat dan penduduk sama-sama meraikan dan memeriahkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan berkenaan dengan mengibarkan bendera negara di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan, serta pemasangan dan penyalan lampu-lampu cucur di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai pada Jumaat, 6 Syaaban 1445H bersamaan 16 Februari 2024M sehingga Ahad, 15 Syaaban 1445H bersamaan 25 Februari 2024M.

Orang ramai tambahnya, juga dialu-alukan untuk turut hadir beramai-ramai ke Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Berjemaah di masjid-masjid serta



SETIAUSAHA (Kemasyarakatan) Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berucap pada Sidang Media berkenaan.

memeriahkan acara kemuncak yang akan diadakan di SNHB bagi menzahirkan rasa kesyukuran atas nikmat kemerdekaan dan semangat patriotisme sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Beliau turut menjelaskan bahawa pihak Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-40, juga ingin mengingatkan bagi orang ramai yang akan menghadiri perhimpunan agung berkenaan nanti untuk sama-sama sentiasa menjaga kesejahteraan semua antaranya dengan mengikut panduan-panduan yang telah digariskan.

Selain itu katanya, dengan mengambil kira keadaan cuaca negara pada ketika ini, turut diingatkan kepada orang ramai untuk membawa keperluan-keperluan seperti air botol, payung, topi dan sebagainya bagi menjaga kesejahteraan dan keselesaan.

Dalam hubungan ini, individu-individu yang mempunyai masalah kesihatan adalah disarankan untuk menyaksikan Upacara Perhimpunan Agung melalui siaran langsung RTB di dalam keselesaan rumah masing-masing.



ANTARA yang hadir pada Sidang Media berkenaan.

NBD berada Fasa Kedua Monsun Timur Laut

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini berada di Fasa Kedua Monsun Timur Laut dan dijangka akan berterusan sehingga bulan Mac 2024.

Semasa tempoh ini, pada kebiasaannya keadaan atmosfera cenderung lebih stabil dengan pengurangan aktiviti turutan hujan. Secara relatif, bulan Februari dan bulan Mac dikategorikan sebagai dua bulan terkering dengan jumlah

purata turutan hujan yang terendah direkodkan berbanding dengan bulan-bulan lain.

Berasaskan data klimatologi, jumlah purata turutan hujan bagi bulan Februari ialah 162.9mm dan bagi bulan Mac ialah 143.4mm. Berdasarkan jangkaan iklim bermusim yang terkini yang dikeluarkan oleh Pusat Iklim Dunia, Fenomena El Nino yang berintensiti kuat masih berlaku di Lautan Pasifik dan dijangka akan beransur-ansur berkurangan sekitar bulan Mei hingga Jun 2024.

Kehadiran fenomena El Nino tersebut dijangka akan mengurangkan lagi jumlah turutan hujan di negara kita bagi beberapa bulan yang akan datang. Keadaan cuaca yang sering dialami semasa tempoh Fasa Kedua Monsun Timur Laut adalah keadaan cuaca panas dan kering.

Pada waktu siang, suhu udara harian maksima ada kalanya boleh meningkat antara 33 darjah Celsius ke 35 darjah Celsius dan keadaan kering juga boleh menyebabkan cuaca sedikit berjerebu. Tambahan lagi, Fenomena El Nino berpotensi menyebabkan peningkatan suhu udara menjadi lebih tinggi semasa tempoh ini.

Keadaan cuaca berangin juga dijangka berlaku sekali-sekala, terutama semasa berlakunya

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

PenggunaBijak

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Kajuca Brunei Darussalam

luranan angin Timur Laut yang aktif di kawasan Laut Cina Selatan seperti yang berlaku semasa minggu kedua bulan Februari ini. Keadaan laut boleh sekali-sekala meningkat ke bergelora semasa keadaan angin kencang.


Sehubungan itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan yang bersesuaian terhadap keadaan cuaca panas dan kering yang diramalkan berlaku. Keadaan laut bergelora adalah berbahaya terutamanya kepada bot-bot kecil dan aktiviti rekreasi dan sukan di laut.

Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajuca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua. Pihak Jabatan Kajuca

Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.


Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit jabatan berkenaan iaitu *Brunei WX*, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram jabatan, *Brunei Weather*.



Negara Brunei Darussalam pada masa ini berada di fasa kedua Monsun Timur Laut dan dijangka akan berterusan sehingga bulan Mac 2024 di mana keadaan cuaca pada lazimnya panas dan kering.

Siaran Akhbar | 20 Februari 2024



I-USAHAWAN : RANGSANG INOVASI, KREATIVITI PEGAWAI I-READY



Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Program yang julung kalinya diadakan ini adalah bertujuan untuk merangsang inovasi, mencetus kreativiti serta menggalakkan kemahiran keusahawanan (*entrepreneurship*) dalam kalangan para pegawai i-Ready sebagai nilai tambah kemahiran bagi persediaan setelah menamatkan program i-Ready di

kementerian ini nanti.

Pengetahuan yang diperoleh di Kementerian Kesihatan dan pengetahuan asas dalam bidang perniagaan diharap akan meningkatkan *marketability* mereka dalam pencarian pekerjaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin menyatakan perkara berkenaan semasa berucap selaku

tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Program i-Usahawan (Startup673) anjuran Kementerian Kesihatan bertempat di i-Centre, Darussalam Enterprise (DARE), Anggerik Desa Technology Park, Berakas.

Dengan adanya pengalaman yang diperoleh berkenaan nanti katanya, boleh dijadikan sebagai persediaan mereka bagi yang berminat untuk menceburi alam perniagaan pada masa-masa akan

datang. SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan berucap pada Pelancaran Program i-Usahawan (Startup673) anjuran Kementerian Kesihatan bertempat di i-Centre, DARE (bawah kiri dan kanan).

datang.

Dalam masa yang sama ujarnya lagi, dengan mengetahui bidang perniagaan juga akan membantu individu dalam menjalankan tugasannya di mana-mana sahaja sama ada di pihak kerajaan atau swasta.

Awang Haji Maswadi seterusnya menjelaskan penganjuran program berkenaan menunjukkan komitmen kerajaan untuk menyokong perkembangan usahawan tempatan dan menyediakan mereka dengan pengetahuan, kemahiran dan sumber daya yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dalam arena perniagaan yang semakin kompetitif.

"Program sebegini sudah setentunya akan mendukung hasrat negara bagi mempelbagaikan dan menjana pertumbuhan ekonomi melalui bidang keusahawanan dan membawa impak positif dalam menangani isu-isu pengangguran di negara ini," katanya lagi.

Program berkenaan adalah anjuran bersama Kementerian Kesihatan, DARE, Shell LiveWIRE Brunei dan Authority for Info-Communications Technology Industry (AITI).

Program berkenaan adalah dikhususkan bagi para pegawai i-Ready yang sedang menjalani



program perantis (*apprenticeship programme*) di Kementerian Kesihatan.

Program i-Usahawan berkenaan juga adalah usaha kolaboratif Kementerian Kesihatan dalam memanfaatkan para pegawai i-Ready yang akan dapat merangsang inovasi serta mencurahkan kreativiti idea keusahawanan dalam kalangan para pegawai i-Ready selepas menamatkan program i-Ready di Kementerian Kesihatan.

Seramai 66 pegawai i-Ready menghadiri program i-Usahawan berkenaan yang akan dijalankan selama dua minggu.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Ang Swee Hui; Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan, Awang Kamarul Azam bin Haji Mohamad; berserta para pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan, DARE, Shell LiveWIRE Brunei dan AITI.

Penerima Anugerah Piawaian Pelancongan ASEAN NBD diraikan

SETIAUSAHA Tetap KSSUP hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah dan sijil kepada para penerima (kanan dan bawah).



Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengadakan Majlis Penghargaan kepada para penerima Anugerah Piawaian Pelancongan ASEAN Brunei Darussalam (ASEAN Tourism Standards Awards).

Pengiktirafan berprestij ini telah diberikan kepada entiti Brunei bersempena dengan Forum Pelancongan ASEAN 2024 (ATF 2024), bertemakan 'Pelancongan Berkualiti dan Bertanggungjawab - Melestarikan Masa Depan ASEAN' (Quality and Responsible Tourism - Sustaining ASEAN Future) yang telah diadakan pada 26 Januari lalu

di Vientiane Capital, Laos.

Majlis diadakan petang tadi di VIP Lounge, Bangunan KSSUP dan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab yang seterusnya menyempurnakan

penyampaian anugerah.

Terlebih dahulu, dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Salinah binti Haji Mohd. Salleh antara lain menjelaskan dalam jangka pendek, industri pelancongan negara menjangkakan bahawa terdapat lebih daripada 400,000 pelancong tiba ke negara ini melalui laluan

udara pada tahun 2026, membawa dalam anggaran BND300,000,000 dalam kiraan pelancongan yang melalui udara.

Untuk mencapai sasaran-sasaran ini katanya, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan bekerjasama rapat dengan kedua-dua rakan-rakan terkini dan baru untuk meneroka pasaran baharu, dan melancarkan produk yang lebih baik dan pakej baharu.

Disebabkan itu ujarnya, salah satu inisiatif dari bahagian Jabatan Kemajuan Pelancongan ialah menganjurkan Bengkel Peningkatan Penyedia Perkhidmatan Pelancongan (TSPs) pertama yang bermula pada Februari 2023.

"Matlamat program ialah untuk meningkatkan nilai produk tawaran mereka, menanamkan keyakinan terhadap produk mereka dan untuk menyediakan mereka dengan sumber mengenai bagaimana untuk meningkatkan produk mereka bagi para pelancong.

"Sepanjang tahun yang lalu, kami telah melihat beberapa peningkatan dalam perkhidmatan dan produk yang telah disediakan oleh para peserta," terang Dayang Salinah.

Tambahnya, ia adalah kecil tetapi merupakan langkah penting untuk memastikan sektor ini memperluas dan para pelancong mempunyai pengalaman berkualiti yang menyenangkan, baik dan tidak boleh dilupakan.

Piawaian Pelancongan ASEAN berfungsi sebagai piawaian untuk semua negara anggota ASEAN dan pencebur industri pelancongan serantau dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang kepada pelancong, dengan matlamat menjadikan ASEAN destinasi bertaraf dunia selaras dengan Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2016-2025.

Antara penerima terkenal, The Empire Brunei yang menonjol sebagai penerima tunggal The ASEANMICE Venue Standard bagi kedua-dua kategori iaitu kategori Tempat Pameran Jenis 1 dan Bilik Mesyuarat.

Selain itu, Hotel Radisson Brunei Darussalam dan Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah dianugerahkan atas kecemerlangan mereka dalam Kategori Bilik Mesyuarat.

Hotel Radisson Brunei Darussalam juga telah dianugerahkan dengan ASEAN Green Hotel Standard, manakala Daerah Belait adalah dalam kalangan keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam yang diiktiraf sebagai Bandaraya Pelancong Bersih ASEAN yang mana anugerah tersebut telah disampaikan di Laos semasa ATF 2024.

Freme Rainforest Lodge Sdn Bhd turut dianugerahkan atas pencapaiannya dalam ASEAN Sustainable Tourism (Gastronomy Tourism - Rural).

Acara turut menyampaikan Sijil Penyerahan dalam Program Peningkatan Penyedia Perkhidmatan Pelancongan 2023 kepada lima peserta iaitu Eco Ponies Garden, Labi Coffee Ladang, Lamin Warisan, Ladang Mori dan Roda Impian Cruise.

Program yang dilancarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, bertujuan untuk membantu pembekal perkhidmatan pelancongan dalam meningkatkan produk dan perkhidmatan mereka templat standard yang lebih tinggi.

Matlamatnya adalah termasuk menubuhkan titik jualan tersendiri bagi penyedia dan meningkatkan nilai dan personalisasi pengalaman pelancong.



108 PENUNTUT PTE SENGKURONG HADIRI TAKLIMAT KENEGARAAN

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



KETUA Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim ketika menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Seramai 108 penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong menghadiri Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik bertempat di Bilik Multimedia Theatre (MMT) sekolah berkenaan.

Pengisian taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Sebagai Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim. Selain menyentuh mengenai

peranan dan tanggungjawab kepada negara dan pemerintah, taklimat berkenaan juga mengingatkan para penuntut untuk mempunyai sikap bertanggungjawab kepada masyarakat dan keluarga dalam sama-sama menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Program antara lain juga bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut, selain dihasratkan bagi mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035.

Turut hadir, Timbalan Pengetua (Pentadbiran), PTE Sengkurong, Awang Yussainie bin Haji Zainie serta para tenaga pengajar.

Kenali Bahasa Brunei

Tarais-tarais bermaksud berteriak-teriak biasanya bertujuan untuk memanggil dari jarak jauh atau kerana marah dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : **tarais-tarais** babunya malagau anaknya manyuruh mulih dari supanggal.

Tungkal bermaksud takut atau ngeri kerana melihat, mendengar, atau mengalami sesuatu yang membahayakan, menakutkan dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : rabah-rimpah lusirnya, **tungkal** ia kan kuyuk.

Canguk-canguk bermaksud duduk menunggu-nunggu tanpa berbuat sesuatu.

Contoh pemakaian kata : daripada **canguk-canguk**, bisaitah kitani manyiapkan karaja.

Bacurai bermaksud dipecahkan kepada bilangan yang kecil tentang benda.

Contoh pemakaian kata : mun **bacurai** gula-gula ani mahal arganya, mun sakutak murah sikit.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani



Mee Tanghoon Kampung Sibut

Foto : Azmah Haji Ahad

BAHAN-BAHANNYA :

1 bungkus Mee Tanghoon (direbus sekejap)
5 biji bawang merah
5 biji bawang putih
Seikat kecil sayur sawi
500gm sayur taugeh
10 biji bebola ikan

5 biji lada hidup

4 biji telur ayam

Minyak untuk menggoreng

Garam dan serbuk pasti sedap secukup rasa

CARA-CARA MEMBUATNYA :

Panaskan minyak dan masukkan

bawang putih, bawang merah, lada hidup, bebola ikan dan telur. Kacau hingga sehati, kemudian barulah masukkan sayur sawi dan taugeh. Akhir sekali, barulah dimasukkan Tanghoon yang telah direbus tadi dan masak hingga selesai dan hidangkan.



Pengenalan:

Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:



Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:



Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan
2. Tidak mempunyai perantaraan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pakar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.



Pemeriksaan kanser kolorektal

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-49 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser kolorektal (usus); dan
3. Tidak menjalani ujian najis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan
4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser payudara

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 40-49 tahun; dan
2. Tidak pernah menghidap kanser payudara; dan
3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.



Pemeriksaan kanser serviks

Terbuka kepada:

Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang:
1. Berumur 25-64 tahun; dan
2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan
3. Tidak pernah menghidap kanser serviks; dan
4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu

www.ppk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 07 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek :
Kerja-Kerja Menaik Taraf Dan
Pengubahsuaian Bangunan Kedai
Rakyat Jati dan Bangunan Tamu
Aneka Di Pekan Bangar, Daerah
Temburong @ Design And Build



Tamu Aneka Building

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
27 Februari 2024

Tarikh Tutup :
Selasa
5 Mac 2024
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Deliver and Maintain
Customize Queue Poles and
Signage at Brunei International
Airport

Rujukan Sebut Harga :
APM.2024-2025 / SH-01

Tajuk Sebut Harga:
To Design, Fabricate, Install and
Decorate Hari Raya Festival at
Arrival Hall and Departure Hall,
Brunei International Airport

Rujukan Sebut Harga :
APM.2024-2025 / SH-02

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Rabu,
21 Februari 2024
(selama 2 minggu)

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**



Rabu,
12 Julai 2024
(sebelum jam 11.00 Pagi)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
6 Mac 2024
(sebelum jam 2.00 Petang)

Alamat Kepada :
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Penerbangan Awam
d/a Tingkat Bawah,
Bahagian Kewangan,
Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi,
Bandar Seri Begawan
BB 2513
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
"Architect Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 01 / 2024

Nama Projek:
Tempat Penyimpanan Sementara
Di Bahagian Mekanikal, Jabatan
Perkhidmatan Mekanikal, Jabatan
Perkhidmatan Mekanikal dan
Elektrikal, Simpang 272,
Jalan Bengkurong-Masin,
Kampung Sinarubai,
Negara Brunei Darussalam

**Dibukakan Kepada "Quantity
Surveying Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 02 / 2024

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
For Pembinaan Masjid Baharu
Di STKRJ Kampung Mata-Mata
(Katok B)

**Dibukakan Kepada
"Civil And Structural
Engineering Consultancy"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 03 / 2024

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
For Pembinaan Masjid Baharu
Di STKRJ Kampung Mata-Mata
(Katok B)

**Dibukakan Kepada
"Mechanical and Electrical"
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 04 / 2024

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
For Pembinaan Masjid Baharu
Di STKRJ Kampung Mata-Mata
(Katok B)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
5 Mac 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
19 Mac 2024

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran /
Sebut Harga**

**1. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUBERIBI / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi
Sekolah Agama Beribi.

**2. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SULUMAPAS / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi
Sekolah Agama Lumapas.

**Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1444H-1445H /
2023M-2024M**

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
18 Syaaban 1445H /
28 Februari 2024M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Pemberitahuan Tawaran
Kementerian Pertahanan**

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2024 / LOG /
TA / 01
Pembelian Rangsum Bungkus
(Compo Ration) Bagi Keperluan
ABDB Selama 1 Tahun

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Pemberitahuan Tawaran /
Sebut Harga**

**1. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPANB / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah
Agama Pengiran Anak Puteri
Aziemah Ni'matul Bolkiah.

**2. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUSB /
2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi
Sekolah Agama Sungai Besar.

**3. Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga :**

KHEU / JPI / JKS / PPPB /
SUPAPMNB / 2023-2024
Perkhidmatan Pengurusan
Dan Pembersihan Bangunan
(Housekeeping)
Tempoh 12 Bulan Bagi Sekolah
Agama Pengiran Anak Puteri
Majeedah Nuurul Bolkiah.

**Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1444H-1445H /
2023M-2024M**

Bayaran Yuran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
2 Ramadan 1445H /
13 Mac 2024M,
tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.



Selasa
19 Mac 2024
12.00 Tengah Hari



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran
Kontrak Bermusim Bagi Kerja-
Kerja Pembersihan Bangunan
(Cleaning Service)
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Penerbangan
Awam Bagi Tempoh 24 Bulan
(2 Tahun)

**AME / 2024-2025 / SH-06
(kelas I dan II)**

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran :**
14 Februari 2024, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
27 Februari 2024,
Selasa.



Tarikh Tutup Tawaran :
28 Februari 2024,
Rabu.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam,
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



سمون اولع تاهون هماري كبشمان
نكخارا بروني دارالسلام لئ ٤٠ تاهون ٢٠٢٤

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-40, TAHUN 2024

23 Februari 2024 / 13 شعبان 1445



جوالن سالىنن كمبر ٢ دىكىتىل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn) dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
 JABATAN PERDANA MENTERI,
 LAPANGAN TERBANG LAMA,
 BERAKAS, BB3510,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
 FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
 8.00 Pagi – 12.00 T/hari
 2.00 Ptg – 3.00 Ptg
 Sabtu
 8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

ELAKKAN STIGMA, TINGKATKAN KESEDARAN KESIHATAN MENTAL

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PSIKOLOGIS Klinikal / Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan semasa berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Dalam usaha menggalakkan seluruh masyarakat memainkan peranan dalam memastikan hak untuk kesihatan mental yang baik akan dapat dicapai oleh semua, sekali gus memperkasa masyarakat dalam pengetahuan dan tindakan mengenai kesihatan mental di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan telah pun merancang beberapa program bersama dengan badan-badan kerajaan, badan bukan kerajaan termasuk pihak sukarelawan, agensi swasta dan melalui kerjasama antarabangsa. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan tindakan utama di dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental 2022-2025 yang dilancarkan pada tahun 2022.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Psikologis Klinikal / Ketua Strategi Kesihatan Mental, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan semasa Jerayawara 'Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi' sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 yang diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Menurut Dayang Nor Syahmun, salah satu dari langkah baharu untuk memastikan kesamarataan dalam hal ini ialah mengadakan program yang memfokuskan Kesihatan Mental di Tempat Kerja secara bergilir-gilir di setiap kementerian di NBD di mana setiap kementerian akan berpeluang menjadi tuan rumah untuk program tersebut pada setiap bulan.

Program Kesihatan Mental di tempat kerja sebegini adalah sangat penting kerana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 15 peratus daripada orang yang bekerja mengalami kecelaruan mental pada bila-bila masa.

Terdahulu itu, beliau mengongsikan, menurut WHO, satu dari lapan individu mengalami penyakit kecelaruan mental yang menjejaskan kesihatan fizikal, kesejahteraan hidup, hubungan dengan orang lain, serta sumber pendapatan mereka.

Jelasnya lagi, masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja juga semakin meningkat yang mana antara

sebab-sebab yang menyumbang kepada masalah ini termasuk masalah kewangan disebabkan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, ketidakseimbangan dalam pekerjaan dan kehidupan ataupun *work-life imbalance*, masalah penderaan, masalah buli, masalah di tempat kerja dan lain-lain.

"Sepertimana juga mereka yang menghidap penyakit fizikal seperti penyakit jantung, tetapi masih dapat mencapai keadaan kesihatan fizikal yang baik (dengan izin Allah), melalui rawatan profesional dan sokongan dari keluarga atau rakan-rakan, mereka yang menghidap penyakit kecelaruan mental juga boleh diberikan rawatan dan dorongan sehingga mencapai tahap kesihatan mental yang baik," ujarnya lagi.

Dayang Nor Syahmun seterusnya menyatakan, kesihatan mental bukan saja satu hak asasi manusia, tetapi juga merupakan tanggungjawab bersama dan bukan pula tanggungjawab yang terhad kepada agensi-agensi kerajaan yang tertentu.

Tambahnya, masing-masing mempunyai peranan untuk meningkatkan usaha ke arah menegakkan hak setiap manusia untuk mencapai kesihatan mental yang terbaik dan seterusnya ke arah pencapaian sasaran Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3.4 untuk mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang daripada penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan menjelang tahun 2030.

Kira-kira 100 peserta terdiri



JERAYAWARA 'Kesihatan Mental dan Kesejahteraan di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi' sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023 yang diadakan di Dewan Multaqa, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

daripada pegawai dan kakitangan di bawah KHEU menghadiri jerayawara tersebut yang memuatkan beberapa taklimat dengan menentengahkan topik-topik berkaitan dengan kepentingan kesihatan mental dan kesejahteraan di tempat kerja.

Taklimat-taklimat disampaikan oleh tiga pegawai iaitu Psikologis, Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Komuniti, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Nurellyyana binti Haji Matussin; dan Psikologis, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dayang Siti Nadzirah binti Haji Abdullah; serta Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Haji Saharuddin bin Haji Patra.

Tema bagi jerayawara tersebut 'Kesihatan Mental dan Kesejahteraan Di Tempat Kerja - Satu Hak Asasi', antara lain bertujuan

untuk meningkatkan kesedaran, pencegahan dan pengurusan kesihatan mental, kesejahteraan diri serta mengurangkan stigma, pandangan negatif terhadap kesihatan mental khususnya di kalangan warga perkhidmatan awam.

Ia juga diharap untuk menjadi satu platform pembarigaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan mental dan kesejahteraan diri yang terdapat di negara ini.

Jerayawara secara In-House Training itu dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran, KHEU dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan, dan Perkhidmatan Psikiatri Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) serta Perkhidmatan Psikologi Masyarakat, Kementerian Kesihatan.



Mengukuhkan semangat patriotisme

LEMBARAN sejarah sering kali mengingatkan kita tentang jerih payah leluhur kita dalam memperjuangkan kemerdekaan dan tanah air. Liku-liku perjuangan mereka menunjukkan semangat patriotisme yakni semangat cintakan tanah air yang mendalam - rela berkorban demi membela bangsa dan negara. Berkat perjuangan mereka, kemerdekaan sudah kita miliki. Namun persoalannya sekarang, bagaimana caranya untuk mengukuhkan semangat patriotisme dalam jati diri anak bangsa?

Pada hemat saya, pertamanya adalah dengan memastikan anak bangsa kita cakna akan sejarah kita. Banyak nilai-nilai murni yang terkandung

dalam sejarah bangsa kita, antaranya adalah nilai semangat juang dan nilai patriotisme. Melalui sejarah, anak bangsa kita boleh mengambil pedoman. Melalui sejarah, anak bangsa kita mampu memahami betapa mahalnya harga sebuah kemerdekaan.

Kedua, semangat patriotisme ini mampu dikukuhkan lagi dengan menanamkan nilai kesedaran dalam jiwa anak bangsa, lebih-lebih lagi dengan kepesatan dunia teknologi abad ini. Nilai kesedaran mengenai semangat patriotisme ini boleh disemai melalui media massa, contohnya dengan menyiarkan program yang berunsurkan patriotisme, bahkan filem atau drama patriotik yang mengangkat sejarah

bangsa kita sendiri. Karya-karya penulisan seperti cerpen, puisi, dan artikel juga berupaya meniupkan semangat patriotisme dalam jiwa anak bangsa. Selain itu, pertandingan-pertandingan bersifat patriotisme juga boleh diunkayahkan, seperti pertandingan pidato, puisi, dan syair. Dengan usaha seperti ini, tiada lagi istilah anak bangsa yang tercicir dari mengenali akar umbi bangsa dan negara sendiri.

Ketiga, semangat patriotisme boleh disemai dalam jati diri anak bangsa dengan program pembentukan jati diri, seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Program seperti ini pastinya memupuk nilai perpaduan dan nilai

'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh' yang merupakan tunjang patriotisme.

Bertitik tolak daripada liku-liku sejarah, maka terbinalah sebuah falsafah. Falsafah Melayu Islam Beraja: ideologi syumul yang sememangnya mampu membentuk anak bangsa yang patriotik. Sesungguhnya, ideologi ini tidak akan lapuk, akan terus relevan seiring peredaran zaman, demi mengukuhkan semangat patriotisme dalam jati diri kita selaku anak bangsa. Teruslah mengukuhkan semangat patriotisme!

**Nama : Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib@Salam S.
No. K/P : 01-103XXX**

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Lindungi Hidupan Liar Kitani'. Tarikh Tutup : 21 Februari 2024
2. 'Menjayakan Wawasan Negara'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2024
3. 'Persediaan Di Ambang Ramadan'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

UNISSA ANJUR PERTANDINGAN SEMPENA FESTIVAL BAHASA ARAB

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab (FBA) baru-baru ini mengadakan Pertandingan Mari Bercerita dan Pertandingan Bicara Berirama dalam bahasa Arab sempena Festival Bahasa Arab atau yang dikenali dengan Mahrajan Bahasa Arab.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Dekan Fakulti Bahasa

Arab, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah.

Pertandingan tersebut telah disertai sebanyak empat sekolah iaitu Sekolah Al-Falah cawangan Sungai Akar; Sekolah Arab Sultan Sultan Haji Hassanah Bolkiah; Sekolah Arab Belait; dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Enam peserta telah menyertai Pertandingan Mari Bercerita

Bahasa Arab dan empat pasukan menyertai Pertandingan Bicara Berirama dalam bahasa Arab.

Keputusan bagi kedua pertandingan berkenaan akan diumumkan pada Majlis Penutup Mahrajan Bahasa Arab yang akan berlangsung pada 9 Mac 2024 akan datang.

Turut hadir, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Abd. Karim; para Pensyarah, mahasiswa dan mahasiswi serta orang ramai.

Undi, pilih calon Ketua Kampung STKRJ Kampung Mata-Mata Katok 'B'

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mata-Mata Katok 'B', Mukim Gadong 'B' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung STKRJ Kampung Mata-Mata Katok 'B' akan diadakan pada Ahad, 3 Mac 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung STKRJ Kampung Mata-Mata Katok 'B' akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 3 Mac 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibuka melalui aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 1 hingga 3 Mac 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk STKRJ Kampung Mata-Mata Katok 'B' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, JDBM sebelum 3 Mac 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui aplikasi e-Undi PMKK sebelum 29 Februari 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk STKRJ Kampung Mata-Mata Katok 'B', Mukim Gadong 'B' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerusi Fakulti Bahasa Arab (FBA) mengadakan Pertandingan Mari Bercerita dan Pertandingan Bicara Berirama dalam bahasa Arab sempena Festival Bahasa Arab atau yang dikenali dengan Mahrajan Bahasa Arab.



ALAI PINTAR

SOALAN 21 FEBRUARI 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Negara Brunei Darussalam menyambut hari kebangsaan yang Ke-___ pada tahun ini.
 - a) 30 tahun
 - b) 40 tahun
 - c) 25 tahun
2. Pada _____, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mencapai kemerdekaan sepenuhnya.
 - a) 23 Februari 2024
 - b) 1 Januari 1984
 - c) 23 Februari 1984
3. Apakah nama lagu kebangsaan Brunei Darussalam?
 - a) Majulah Negaraku
 - b) Allah Peliharakan Sultan
 - c) Berkibarlailah Bendera

TARIKH TUTUP: 29 FEBRUARI 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 118

Nama: Muhammad Khaliq Fathullah bin Khairul Amilin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0115591. Sekolah: Sekolah Panchor Murai

Nama: Muhd. Naim bin Muhd. Azrin
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0129056-01. Sekolah: Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong

Nama: Muhamad Hafizuddin Syaddad Bin Hussaini
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan: 0111671-01. Sekolah: Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

SOALAN

119

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

- Sidang Pengarang, ALAI PINTAR
 - Bahagian PELITA BRUNEI,
 - Jabatan Penerangan,
 - Lapangan Terbang Lama, Berakas,
 - Bandar Seri Begawan, BB3510
 - Negara Brunei Darussalam

- Kaunter Cawangan Penerangan
 - Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan
 - Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan
 - Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 118

1. C – me-kan
2. A – besar
3. A – BND55

MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL SEMPENA HARI KEBANGSAAN KE-40

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam



PERSATUAN Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara

Pengiran Anak Abdul Rahman; dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong. Presiden FABD, Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff mengetuai rombongan dan turut disertai oleh Timbalan Presiden

FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni.

Juga menyertai majlis ialah Ahli-ahli Kehormat FABD, Ahli-ahli Exco FABD, kakitangan FABD dan perwakilan daripada kelab-kelab bola sepak di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Pusat Ilmu Teras, Kolej



Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang. Mohamed Noor bin Haji Ibrahim.

Majlis berkenaan merupakan kegiatan keagamaan yang

dikendalikan oleh FABD yang diselenggarakan bagi menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.

9 syarikat, 23 individu dikenakan denda kompaun

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandaran



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Hasil tindakan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (BSB) dari tempoh pada 11 Januari sehingga 7 Februari 2024 telah mencatatkan sebanyak sembilan syarikat dan seramai 23 individu dikenakan denda kompaun keseluruhan berjumlah BND9,800 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian Pindaan 2021 iaitu membuang sampah di tempat awam dan laluan awam.

Nama-nama syarikat yang dikeluarkan denda kompaun dan kesalahan yang dikenakan sepanjang Operasi Bersih dan pemantauan harian berkenaan, iaitu TT Blues Cafe & Restaurant di bawah Bab12 (1) (c); Camden Autoservice Sdn. Bhd. di bawah Bab12 (1) (a); Spring Harvest Enterprise di bawah Bab12 (1) (b); Bengkel Kereta Yusra di bawah

Bab12 (1) (e); Eats Restaurant di bawah Bab12 (1) (c); Deen Star Sdn. Bhd. di bawah Bab12 (1) (f) (ii); Sutradhar Sdn. Bhd. pula di bawah Bab12 (1) (c); Sameer Sdn. Bhd. di bawah Bab12 (1) (c); dan Farm Basket di bawah Bab12 (1) (c).

Manakala nama-nama individu yang telah dikeluarkan denda kompaun sepanjang Operasi Bersih dan pemantauan harian berkenaan ialah Khoo Teik Choon (warga asing) dikompaun di bawah Bab 12 (1) (a); Melchor Agbon Tapanan (warga asing) di bawah Bab 12 (1) (a); Casma Nuryana (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (a); Danang Setiawan (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (a); Lai Kou Yu (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (c); Marimuthu Narayanan (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (a); Moh Fuad Hasan (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (e); Sumarna (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (e); Rendi (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (e); Raymond Delacruz

ANTARA kesalahan yang didapati daripada hasil tindakan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan (kiri dan kanan).

Velo (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (e); Nanang (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (e); Md. Hasyim bin Hamsi (warga asing), di bawah Bab 12 (1) (a); Mohammad Khairul Azmi bin Haji Sarbini (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Aiezul Yarni bin Yahya (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Pengiran Haji Mohd. Khairul Anuar bin Pengiran Haji Othman (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Haji Khairul Abidin bin Haji Sulaiman (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Pengiran Mohd. Fakhrulrazi bin Pengiran Haji Omaralli (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Haji Masnadi bin Haji Munaf (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Untong @ Ramli bin Haji Raim (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Awangku Muhd. Shahrul Nizam bin Pengiran Haji Ta'azul Ariffin (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Md. Firdaus bin Metali (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); Md. Nur Ariff Azizul @ Md. Hakim bin Md. Faisal (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a); dan Muhd. Azinul bin Firdaus bin Anuar (warga tempatan), di bawah Bab 12 (1) (a).

Menurut pindaan di bawah Perintah Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021, kadar denda kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan denda kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan, iaitu bagi



individu boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND1,000; dan bagi badan-badan korporat boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND2,000.

Bagi kesalahan-kesalahan individu dan badan-badan korporat yang gagal menjelaskan denda kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah, iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab berkenaan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab berkenaan boleh dikenakan denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda

tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau keduanya sekali.

Dalam kes-kes berkenaan, individu-individu dan syarikat-syarikat berkenaan adalah dikehendaki menjelaskan kompaun masing-masing ke Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran BSB, Jalan Perdana Menteri dalam tempoh masa tujuh hari.

Jabatan Bandaran BSB mengingatkan mana-mana individu dan pemilik / penyewa bangunan untuk sama-sama menjaga aspek keindahan, kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan BSB.

Pada masa yang sama, Jabatan Bandaran mengalu-alukan orang ramai untuk mengongsikan sebarang aduan dan perkongsian maklumat ke Talian E-Darussalam 123, e-mel Info@123.gov.bn, laman sesawang www.123.gov.bn, WhatsApp +673 8333123, Hotline Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang +673 7291122.

SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA WARNAI SEMANGAT PERPADUAN

Berita dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Sambutan Tahun Baharu Cina yang diraikan setiap tahun mampu mewarnai semangat perpaduan yang utuh antara masyarakat Melayu dan Tionghua di Negara Brunei Darussalam.

Walaupun Sambutan Tahun Baharu Cina sudah lebih seminggu diraikan di negara ini namun konsep kunjung-mengunjungi atau lebih sinonim dengan 'Rumah Terbuka' masih tetap berlangsung bukan hanya dalam kalangan sanak saudara, keluarga mahupun sahabat handai, tetapi ia juga turut dikunjungi oleh Hokkien Association Brunei Youth di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Chief Hokkien Association Brunei Youth, Chua Teng Kiat bahawa persatuan ini setiap tahun akan menjalankan aktiviti berkunjung mereka ke beberapa buah rumah Ahli-ahli Persatuan Hokkien di negara ini.

"Dengan adanya kerjasama

yang ditunjukkan bagi menjayakan perayaan ini membuktikan ikatan persahabatan yang erat antara para ahli persatuan ini dan terutamanya masyarakat Hokkien yang meraikan Sambutan Tahun Baharu Cina," jelas Chua Teng Kiat baru-baru ini.

Tambah Chua lagi, atas komitmen yang diberikan bersama-sama para ahli dalam usaha untuk menjayakan Sambutan Tahun Baharu Cina, di mana keadaan ini merupakan satu petunjuk bahawa kita boleh bekerjasama dalam semua perkara untuk kebaikan bersama dengan berkunjung ke rumah ahli jawatankuasa dan penasihat kehormat persatuan setiap tahun untuk menyambut dan mengucapkan kepada mereka Selamat Tahun Baharu Cina selain untuk merapatkan hubungan serta meneruskan ikatan keluarga Hokkien.

Chua juga menjelaskan bahawa Ahli Belia Hokkien di negara ini telah mengekalkan tradisi melawat

sambil meraikan Sambutan Tahun Baharu Cina ini selama lebih daripada 10 tahun.

"Saya juga merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua lapan buah rumah yang persatuan kami kunjungi hari ini iaitu Pendaftar Perkahwinan Orang-Orang Tionghua (Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong), Lim Han Chiong, Presiden Dewan Perniagaan Tionghua, Bandar Seri Begawan, Malcolm Lim Tiong Han@Lim Peh Beng yang juga selaku Kingston B & C S.B, Managing Director, Vice Chairman of Hokkien Association, Vice President of CCC dan berapa yang lainnya serta juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih juga kepada sahabat-sahabat kita daripada orang Melayu yang turut sama meraikan majlis ini dan mudah-mudahan usaha kita ini menghasilkan satu kejayaan untuk kita memperkuatkan hubungan di antara kaum Melayu dan juga Tionghua di negara ini," ujarnya lagi.



AKTIVITI berkunjung ke beberapa buah rumah Ahli-ahli Persatuan Hokkien di negara ini.

Bantu kesan Ak. Muhd. Akmal Hasyimuddin

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

AWANGKU Muhd. Akmal Hasyimuddin bin Pengiran Amran dipercayai keluar dari rumah.

SENGKURONG, Isnin, 19 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sengkurong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang anak lelaki dipercayai keluar dari rumah.

Menurut laporan PPDB, lelaki tersebut ialah Awangku Muhd. Akmal Hasyimuddin bin Pengiran Amran, 20 tahun dengan nombor Kad Pengenalan 01-133800 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya,



sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong melalui telefon +673 2661334 dan Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai-balai Polis yang berdekatan.

DARI MAHKAMAH

Dikenakan denda, penjara akibat memiliki rokok

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BELAIT, Isnin, 19 Februari. - Dua warga tempatan, iaitu Awangku Ajmal Adib bin Pengiran

Ismail, 25 tahun; dan Dayang Siti Norhamisah binti Mahli, 27 tahun, dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND25,200 atau 13 bulan pemenjaraan

jika gagal membayar denda berkenaan.

Pemangku Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid membuat keputusan berkenaan selepas kedua-dua defendan didapati bersalah terhadap satu pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua defendan didakwa memiliki 33 karton rokok dan dua paket rokok pelbagai jenis tanpa permit yang sah.

Kedua-dua defendan ditangkap oleh Bahagian Ketibaan, Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Belait pada 18 Julai 2023.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

6 bulan penjara akibat pecah amanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Februari. - Seorang kakitangan Syarikat KM Car Detailing Centre Sdn. Bhd. dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan pecah amanah dan menyalahgunakan harta berjumlah BND786.

Defendan Muhammad Nur Alif bin Abdullah, berumur 25 tahun mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Majistret Nur Syahmina binti Jaffri. Mengikut pertuduhan, defendan melakukan kesalahan tersebut pada 3 Februari 2024. Defendan menerima mesej WhatsApp melalui telefon syarikat bahawa pelanggan telah menempah slot

untuk perincian (*detailing*) dua buah kereta.

Defendan memaklumkan pelanggan bahawa beliau akan menempah slot untuk pelanggan berkenaan pada 5 Februari 2024 dan dalam masa yang sama, defendan berniat untuk melakukan pencurian wang daripada pembayaran perincian kereta tersebut di mana dibayar oleh pelanggan.

Pada 5 Februari 2024, pelanggan tersebut telah menghantar kedua-dua buah kereta tersebut untuk perincian (*detailing*). Pada 7 Februari 2024, defendan memaklumkan pelanggan bahawa butiran mengenai keretanya telah dilengkapkan dan mengeluarkan resit berjumlah BND786 dengan

nombor resit rasmi 1203.

Pelanggan memaklumkan defendan bahawa dia akan mengambil keretanya pada hari berikutnya dan meminta defendan untuk butiran bank syarikat. Defendan mengeluarkan dua butiran bank untuk BIBD dan Bank Baiduri miliknya sendiri.

Pada 8 Februari 2024, pelanggan datang untuk mengambil keretanya dan memindahkan BND786 dengan sewajarnya ke akaun BIBD defendan. Selepas itu, pelanggan memberikan tangkapan skrin pembayaran kepada telefon syarikat.

Pada hari yang sama, defendan memindahkan BND266 daripada BND786 (yang pelanggan

bayar kepadanya) ke akaun BIBD syarikat dan menyimpan BND520 dalam akaun BIBDnya sendiri.

Pada 15 Februari 2024, seorang pemilik syarikat menyemak semua resit pembayaran dan memerhatikan bahawa slip salinan merah jambu untuk nombor resit 1203 kosong, manakala salinan asal hilang.

Selepas itu, pengadu meneliti telefon keluaran syarikat yang diberikan kepada defendan dan mendapati defendan telah mengeluarkan nombor resit asal 1203 kepada pelanggan, berjumlah BND786 dan pelanggan telah membuat pembayaran ke akaun defendan. Pengadu segera membuat laporan polis dan siasatan polis

membawa kepada penahanan defendan.

Defendan mengaku melakukan kesalahan dan mengakui sengaja menutup slip salinan merah jambu nombor resit 1203 semasa menulis pada resit asal, bertujuan untuk mengelakkan maklumat daripada dipindahkan ke slip salinan merah jambu dan dengan itu mengelak daripada dikesan sesiapa.

Defendan mengaku membelanjakan kesemua wang curi tersebut untuk kegunaan peribadinya sendiri. Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sabitan jenayah sebelum ini. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nur Hidayatul Aeny Alisah binti Haji Zullizam.



Cermin *signage* menjadi pilihan bidang keusahawanan

Oleh : Nur Fatin Afiqah Zamrin, Penempatan Mahasiswi dari Universiti Brunei Darussalam
Foto : Ihsan @miorset.rental

DALAM menghadapi cabaran globalisasi terutama sekali cabaran ekonomi yang tidak menentu, bidang keusahawanan menjadi platform bagi sebahagian orang untuk bertahan hidup demi untuk menyara keluarga. Kebijaksanaan, minat serta kebolehan mencari produk yang diusahakan dapat menjamin ekonomi yang lebih mantap lebih-lebih lagi produk yang diusahakan sesuatu yang jarang diusahakan.

Kini, cermin juga melalui revolusi kemodenan. Ia bukan sahaja digunakan untuk bercermin tetapi juga boleh dijadikan sebagai dekorasi. Pengusaha @miorset.rental, Dayang Nurul Syarinah memilih untuk menceburi bidang keusahawanan cermin *signage*. Mengimbuai kembali teretusnya minat berniaga, beliau berkata, beliau meminati keunikan pelbagai reka bentuk cermin. Contohnya, cermin gaya Baroque dan Rococo. Sewaktu era COVID-19 melanda, beliau menjadikan mengutip cermin-cermin sebagai hobi disebabkan pada waktu itu aktiviti sangat terbatas dan tidak boleh keluar rumah melainkan ada keperluan. Beliau menyatakan bahawa cermin menjadikan beliau cenderung terhadap bidang keusahawanan. Oleh itu, beliau berhasrat untuk menyewakan cermin-cermin tersebut. Beliau mula memfokuskan untuk menyewakan cermin *signage* yang tertumpu kepada upacara perkahwinan / pertunangan / hari jadi di Negara Brunei Darussalam (NBD) memandangkan belum ada yang menggunakan cermin *signage* sebagai alat hiasan acara apabila beliau membuat tinjauan.

Jenis cermin

Terdapat empat variasi cermin *signage* yang dipromosikan antaranya ialah cermin Aurora, Odelia, Edith dan Arched. Bahasa

Perancis digunakan dalam pemilihan nama-nama variasi cermin tersebut. Keempat-empat cermin ini mempunyai kelainan reka bentuk tersendiri. Harga penyewaan bagi cermin *signage* ini ialah antara BND85 - BND130. Pada tahun 2022 sehingga 2023 cermin yang paling digemari oleh pelanggan ialah cermin Edith dan Aurora pula pada pertengahan tahun 2023.

Pengalaman

Hasil daripada pengalaman perniagaan cermin *signage*, beliau juga mengambil kesempatan untuk menyertai program yang dikendalikan oleh DARE dinamakan Academy for Woman Entrepreneurs (AWE) untuk mempelajari cara pengendalian dan mengembangkan lagi perniagaan beliau memandangkan perniagaan beliau baru beroperasi. Pada awal tahun Mac, Miorset.rental menjadi pilihan tiga teratas AWE's Second Cohort. Program enam bulan itu membantu usahawan wanita baharu dalam mempelajari asas-asas memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka sendiri.

Terma, syarat penyewaan bagi cermin *signage*

Syarat bagi sewaan cermin *signage* ini memerlukan wang deposit sekurang-kurangnya BND50 dan wang tidak akan dikembalikan bagi setiap cermin *signage* yang disewa dalam masa 24 jam. Tanpa sebarang deposit, peniaga tidak dapat memasukkan senarai sewaan awda ke dalam kalendar. Manakala baki yang tertinggal bolehlah dilunaskan tujuh hari sebelum majlis awda berlangsung. Pihak peniaga berhak untuk menarik atau membatalkan semula jika baki belum dilunaskan. Pihak peniaga juga

menetapkan sewaan seawal dua hingga tiga minggu sebelum majlis berlangsung dan jika sekiranya kurang daripada dua minggu maka akan dikenakan bayaran tambahan sebanyak BND30 termasuk cermin, *stand*, dan satu warna bagi pilihan huruf. Bayaran bagi penghantaran dan pengumpulan adalah berbeza dan mengikut lokasi. Bagi semua barangan dan hiasan (jika ada) adalah sewaan sahaja kecuali terdapat sebarang keterangan dalam invoice awda. Manakala bagi sewaan di luar hendaklah dipastikan sewaan berkenaan sentiasa dilindungi bagi mengelakkan berlakunya sebarang kerosakan memandangkan cuacayang sentiasa berubah. Jika terdapat sebarang kerosakan, penyewa hendaklah bertanggungjawab untuk membayar barang yang disewa serta pekerja yang terjejas olehnya. Bayaran bagi kerosakan barang dan pekerja yang terlibat adalah tiga kali ganda daripada harga asal. Jika kerosakan ini berlaku maka pengusaha akan mengambil semula cermin tersebut dan tidak akan menjualnya kepada pelanggan yang menyewa.

Sumbangan keusahawanan pada ekonomi, sosial

Menjelang tahun 2035, kita berhasrat untuk menjadikan NBD mencapai tiga matlamat antaranya adalah 'Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan' merupakan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035. Menjayakan cermin *signage* merupakan satu inisiatif yang dapat dicontohi kerana ia boleh dilakukan oleh masyarakat Brunei untuk mempelbagaikan sumber ekonomi negara dan boleh memupuk masyarakat agar sentiasa mengamalkan budaya menyimpan wang. Di samping itu, dapat sama-sama menyokong antara satu dengan yang lain bagi jual beli produk tempatan.

Selain itu, menceburi bidang keusahawanan

ini dapat membentuk para belia untuk lebih berkeyakinan dalam menjalankan peniagaan mereka dan membuka peluang untuk mereka yang berkemahiran dan berpotensi dalam bidang keusahawanan ini. Bidang keusahawanan ini tidak terhad kepada cermin *signage* sahaja malah para belia boleh menghasilkan produk tersendiri sebagai contoh perniagaan tudung jenama sendiri, kuih-muih dan sebagainya.

Cabaran

Antara cabaran yang dihadapi oleh beliau ada yang *copycats* hasil idea yang dicurahkan kepada pelanggan sehingga templat responden pun diambil sebagai contoh pelanggan yang menunjukkan dirinya meminati cermin *signage* walhal tidak berminat dan hanya sekadar mengambil kesempatan. Antara cabarannya juga, beliau menghadapi tempat menyimpan ruang terlalu terhad sehingga barang-barang hiasan juga tidak mempunyai ruang yang mencukupi disebabkan perniagaan ini dikendalikan dari rumah.

Penutup

Kesimpulannya, bidang keusahawanan boleh diperluaskan lagi dengan menjual / menyewakan bermacam-macam produk yang berpatutan. Bagi Dayang Nurul Syarinah, keberanian adalah penting untuk berjaya dengan mengatasi rasa takut yang ada meskipun menghadapi cabaran dalam dunia perniagaan. Pengalaman membentuk dan mengajar diri kita sendiri. Untuk pengetahuan orang ramai, Miorset.rental ini dibuka setiap Isnin hingga Ahad dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Bagi sesiapa yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Miorset.rental bolehlah mengunjungi laman Instagram mereka iaitu @miorset.rental dan WhatsApp +673 2791529.





PENGUNAAN TEKNIK 'DEEPPFAKE' KIAN BERLELUASA MENJELANG PILIHAN RAYA KOREA SELATAN

SEOUL, 19 Feb. - Berbaki 50 hari lagi sebelum pilihan raya parlimen Korea Selatan diadakan pada April, kebimbangan mengenai penyebaran video dan imej palsu atau *deepfake* yang dihasilkan oleh kecerdasan buatan (AI) semakin meningkat, memaksa

pihak berkuasa pilihan raya untuk meningkatkan lagi tahap kewaspadaan.

Menurut Agensi Berita Yonhap, sebanyak 129 keping kandungan media yang dijana

AI dikesan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Kebangsaan (NEC) yang didapati melanggar undang-undang pilihan raya yang baharu digubal antara 29 Januari hingga akhir minggu lepas.

Undang-undang itu yang berkuat kuasa pada 29 Januari lepas, melarang penggunaan *deepfake* untuk tujuan kempen pilihan raya, menetapkan hukuman

penjara sehingga tujuh tahun atau denda 10 juta won (US\$7,500) jika sabit kesalahan.

Deepfake bermaksud satu teknik untuk merubah rupa paras seseorang pada gambar ataupun video menggunakan gambar asli melalui kaedah tinding wajah.

Undang-undang yang disemak semula itu diluluskan oleh Dewan Negara pada Disember bagi mengekang

penyebaran maklumat palsu dan melindungi integriti proses pilihan raya.

Manipulasi *deepfake* telah digunakan dalam pilihan raya yang lalu apabila video yang dijana AI diedarkan di media sosial yang menggambarkan Presiden Yoon Suk Yeol menyokong calon tempatan daripada parti pemerintah pada pilihan raya wilayah 2022. - ©BERNAMA

Tanah runtuh ragut lima nyawa di timur Afghanistan

KABUL, 19 Feb. - Seramai lima orang maut dalam kejadian tanah runtuh yang melanda sebuah kampung di wilayah Nuristan timur Afghanistan pada Ahad, lapor Xinhua memetik Agensi Berita Bakhtar pada Isnin.

Bencana alam itu berlaku susulan hujan lebat di daerah Norgaram pada malam Ahad hingga mengakibatkan sekurang-kurangnya 20 rumah musnah atau rosak teruk.

Angka korban dijangka meningkat berikutan operasi menyelamatkan masih diteruskan.

Sebahagian kawasan di Afghanistan termasuk Kabul mengalami hujan dan salji sejak petang Ahad. - ©BERNAMA

Mesir : Menara bersejarah di Saladin Citadel dibuka semula kepada pengunjung

KAHERAH, 19 Feb. - Dua menara di Saladin Citadel, satu daripada mercu tanda terkenal di ibu negara Mesir di sini dibuka kepada orang ramai pada Ahad selepas menjalani kerja-kerja pemuliharaan, lapor Xinhua.

Menteri Pelancongan dan Antikuiti, Ahmed Issa pada majlis perasmian itu berkata pembukaan Ramla Tower dan Al-Haddad Tower, bersama-sama dengan tarikan baru lain, akan memanjangkan tempoh lawatan ke kubu berkenaan dari satu jam kepada tiga jam.

Menurut Setiausaha Agung Majlis Tertinggi Antikuiti Mustafa Waziri, dua menara itu akan dimasukkan dalam jadual perjalanan ke kubu berkenaan dan pelawat boleh memasukinya dengan menggunakan tiket masuk kubu.

Beliau berkata kerja-kerja pemuliharaan, termasuk membersihkan dan menggantikan batu, menyelenggara tangga dan lantai batu, membina dinding untuk keselamatan dan melindungi tempat suci.

Ramla Tower dengan ketinggian 20.8 meter manakala Al-Haddad Tower, satu daripada menara terbesar di kubu pertahanan itu dibina oleh Salah El-Din pada tahun 1176 dan berfungsi sebagai pusat pentadbiran bagi kebanyakan pemerintah Mesir selama 700 tahun. - ©BERNAMA

Gaza : WHO bantu keluarkan 14 pesakit dari hospital Nasser

ISTANBUL, 19 Feb. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) membantu memindahkan 14 pesakit dari Hospital Nasser di bandar Khan Younis yang dikepung tentera Israel, menurut Kementerian Kesihatan Gaza dalam satu kenyataan pada Ahad.

Pesakit itu termasuk lima yang sedang menjalani dialisis serta tiga lagi sedang dirawat di unit rawatan rapi telah dihantar ke hospital di selatan hasil usaha WHO, lapor Agensi Anadolu.

Israel terus menerima tekanan agar kesemua pesakit di hospital itu dipindahkan memandangkan hospital berkenaan telah diubah suai menjadi berek tentera selepas rejim itu memutuskan bekalan elektrik dan menghalang peranti oksigen daripada beroperasi.

Terdahulu, kementerian berkata bahawa 150 pesakit di hospital berkenaan tidak mendapat sebarang rawatan dan 70 anggota kesihatan telah ditahan. Israel juga tidak membenarkan pesakit dipindahkan ke hospital lain.

Kementerian Kesihatan di Gaza sebelum ini mengumumkan bahawa jumlah pesakit yang meninggal dunia di unit rawatan rapi Hospital Nasser meningkat kepada lapan orang akibat penjana dan peranti oksigen berhenti beroperasi.

Israel menggempur Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober dan telah membunuh hampir 29,000 serta menyebabkan kemusnahan besar-besaran dan kekurangan barang keperluan.

Rejim Zionis itu turut dituduh melakukan genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Keputusan sementara pada Januari mengarahkan Tel Aviv menghentikan tindakan genosid dan mengambil langkah-langkah menjamin bantuan kemanusiaan disalurkan kepada orang awam di Gaza. - ©BERNAMA

Ribuan adakan protes, tuntutan pilihan raya adil di Mexico

BANDARAYA MEXICO, 19 Feb. - Beribu-ribu orang membanjiri jalan-jalan di ibu negara Mexico dan tempat-tempat lain sambil melaungkan slogan 'for our democracy' pada Ahad, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Penunjuk perasaan kebanyakan mengenakan pakaian berwarna merah jambu memenuhi dataran tengah Mexico City menjelang tiga bulan sebelum pemilihan presiden dan pilihan raya parlimen berlangsung. Sementara itu, bekas ketua INE Lorenzo Cordova turut berucap di hadapan istana presiden.

Demonstrasi turut diadakan di

bandar-bandar lain menggesa pilihan raya adil dilaksanakan dan membantah penghapusan institusi demokrasi.

Pihak berhaluan kiri itu juga mahu hakim persekutuan termasuk di Mahkamah Agung dipilih oleh rakyat.

Kerajaan Presiden Andres Manuel Lopez Obrador didakwa meneruskan reformasi pilihan raya yang mengehadkan kuasa pilihan raya secara drastik.

Beberapa pengkritik memberi amaran kemungkinan negara kembali ke zaman ketika institusi negara dikongkong kerajaan dan ketika "

Party of Institutionalised Revolution" memerintah selama 71 tahun dari 1929 hingga 2000.

Lopez Obrador, 70, tidak dibenarkan bertanding semula dalam pilihan raya pada 2 Jun.

Perlembagaan hanya membenarkan presiden berkhidmat untuk tempoh satu penggal iaitu enam tahun.

Tinjauan mendapati Datuk Bandar Mexico City Claudia Sheinbaum dari Parti Morena yang dipimpin Lopez Obrador kini dilihat mendahului dalam pemilihan yang bakal diadakan. - ©BERNAMA

Pengeksportan Orkid Mokara ke Dubai jadi penanda aras industri orkid negara

SEPAANG, 19 Feb. - Pengeksportan orkid dalam bentuk kotak hadiah premium menerusi 270 Kotak Hadiah Premium Orkid Mokara ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) sempena Festival Gulfood 2024 bakal menjadi satu penanda aras dalam industri orkid negara.

Bunga orkid varieti Mokara yang diterbangkan pada semalam merupakan hala tuju penting kepada projek Ladang Eksport Orkid Dubai (LEOD) dalam merealisasikan pengeksportan komoditi bernilai tinggi ke pasaran Asia Barat.

LEOD merupakan projek rintis yang melibatkan tiga ladang dengan keluasan 29.14 hektar iaitu LEOD Lukut, Linggi dan Sepang.

Ketika ditemui Bernama, Ketua Unit Industri Florikultur (Bahagian Pembangunan Industri Florikultur), Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) Mohamad Nizam Malik berkata meskipun mendapat permintaan yang tinggi, usaha untuk mempromosikan produk orkid tetap diteruskan.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelepasan Projek Rintis Eksport Kotak Hadiah Premium Orkid Mokara ke Dubai, di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, Sabtu lepas.

Susulan itu, Mohamad Nizam berkata majlis promosi yang dijadual diadakan pada 21 Feb di festival berkenaan dapat mengetengahkan produk pertanian tempatan bagi memenuhi permintaan daripada sektor pelancongan dan perhotelan di Dubai yang memerlukan daya tarikan unik dan eksklusif untuk pengunjung.

Selain itu, katanya pengeksportan orkid ke Dubai juga mudah kerana tidak memerlukan sebarang rawatan kuarantin dan hanya perlu memenuhi syarat sijil fitosanitasi (PC) yang dikeluarkan oleh DOA agar menepati kualiti eksport tanaman.

"Secara tradisinya orkid dieksport ke Singapura, Hong-Kong dan Jepun. Namun begitu, risiko kepada pengeluaran amat tinggi kerana kemasukannya perlu mematuhi syarat kuarantin yang ketat terutama dari segi rawatan kuarantin lepas tuai orkid, tetapi tidak (syarat kuarantin ketat) ke Dubai," katanya yang juga penasihat projek LEOD itu.

Sementara itu, program pelepasan orkid untuk percubaan eksport ke Dubai itu turut dijayakan oleh Orchidmas Sdn Bhd dari segi penjenamaan dan pembungkusan kotak premium Orkid Mokara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Orchidmas Shiz Kassim berkata operasi penghantaran sangat mencabar terutamanya bagi memastikan orkid yang dibungkus secara eksklusif dalam kotak berwarna emas itu tahan segar sekurang-kurangnya dalam tempoh 14 hari.

"Dari segi pembungkusan, kami turut memikirkan keselesaan pembeli. Maka, kami telah menjadikan produk ini *ready to display* atau sedia untuk dipamerkan.

"Dengan konsep ini kita perlu melihat bahawa pendekatan jualan secara keratan seperti cara tradisional untuk eksport orkid ini perlu ditransformasikan kepada

yang mempunyai nilai tambah dalam bentuk *gift-box* atau kotak hadiah yang dapat meningkatkan nilai keratan orkid itu menjadi sebuah kotak hadiah premium," katanya.

Setiap kotak mengandungi pasu berisi cecair sodium polyacrylate bagi menggantikan air dan dua keratan Orkid Mokara yang boleh tahan segar sekurang-kurangnya untuk tempoh dua minggu manakala penghantaran dilakukan menggunakan perkhidmatan perbangkasan Emirates yang berlepas pada 1.45 pagi.

Terdapat lebih kurang 24,000 spesies orkid di seantero dunia dan 6,000 spesies di Asia manakala di Malaysia terdapat lebih 1,000 spesies dengan satu daripadanya adalah varieti Mokara.

Mohamad Nizam berkata berdasarkan pemerhatian DOA, Orkid Mokara sangat sesuai dijadikan bunga keratan untuk pasaran tempatan dan eksport kerana keratannya tahan lebih lama iaitu selama 14 hari.

Selain itu, pengeluaran Orkid Mokara yang ditanam di sini lebih berkualiti dari segi panjang tangkai dan jumlah bunga berbanding negara jiran seperti Thailand berikutan iklim di Malaysia lebih sesuai untuk pengeluaran orkid dan memenuhi keperluan kualiti eksport.

Sebelum ini dilaporkan bahawa hasil eksport orkid mampu menyumbang sebanyak RM4 bilion kepada industri florikultur di Malaysia kerana mendapat permintaan yang tinggi dari negara luar. - ©BERNAMA

JAWATANKUASA ASEAN INDIA ADAKAN MESYUARAT KETIGA MENGENAI KAJIAN AITIGA



NEW DELHI, 20 Feb. - Perdagangan Barangan ASEAN-Jawatankuasa Bersama Perjanjian India (AITIGA) yang sedang

ASEAN : Jepun bergerak seiring dengan pelan strategik dan visi komuniti ASEAN 2045

KUALA LUMPUR, 20 Feb. - Dalam usaha untuk memperkukuh kerjasama serantau, Jepun akan bekerjasama rapat dengan ASEAN sepanjang tahun 2024 dengan matlamat menyelaraskan inisiatif Jepun dengan Pelan Strategik dan Visi Komuniti ASEAN 2045.

Duta Jepun ke ASEAN Masahiko Kiya berkata penyelarasan itu dijangka mencapai kemuncak apabila Malaysia menjadi pengerusi badan serantau berkenaan pada tahun 2025.

Beliau menyuarakan harapan agar penglibatan Jepun akan menyuntik impak dalam pelaksanaan visi dan pelan strategik Malaysia yang akan datang.

Sambil menyatakan bahawa Jepun mahu mendapatkan input daripada Malaysia yang bakal menjadi pengerusi ASEAN, beliau berkata: "Kami mahu mendengar keutamaan Malaysia berbanding memberikan cadangan."

Pengumuman itu dibuat di Japan-ASEAN Roundtable on Geopolitical and Geoeconomic Shifts anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Acara itu, menandakan ulang tahun ke-50 hubungan Jepun-ASEAN dan sebagai susulan kepada sidang kemuncak peringatan yang diadakan di Tokyo pada Disember 2023.

Semasa Pemukiman Menteri-menteri Luar ASEAN di Luang Prabang, Laos, pada akhir Januari, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Mohamad Hasan dilaporkan berkata penggubalan Pelan Strategik ASEAN Political Security Community (APSC) telah pun bermula.

Beliau berkata Malaysia bersedia menerima pakai Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategiknya pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 pada 2025.

Kiya turut menekankan sokongan berterusan Jepun terhadap blok serantau itu, khususnya dalam menyokong Laos selaku pengerusi ASEAN tahun ini.

Bantuan Jepun merangkumi pelbagai bidang, termasuk Pusat Penyelarasan ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan dalam isu Myanmar dan memupuk daya tahan kesalinghubungan sejajar dengan tema yang dipilih oleh Laos.

Dalam ucaptamanya, Kiya mengulas mengenai perkongsian Jepun-ASEAN yang terjalin sejak lima dekad lepas dan menekankan tentang keperluan untuk memperkukuh pelaburan dalam pertukaran antara rakyat dan budaya.

Beliau berkata ASEAN memainkan peranan sangat penting bagi Jepun kerana lokasinya yang strategik di Indo-Pasifik. Kiya memuji ASEAN kerana telah menjadi peneraju utama di rantau ini, menarik rakan kongsi global dan memupuk kerjasama pelbagai lapisan.

Mengenai peranan Jepun dalam meningkatkan perdagangan intra serantau ASEAN, beliau mencadangkan kerjasama untuk membangunkan produk 'Made In ASEAN'.

Beliau turut menyentuh mengenai pencemaran dan penduduk yang semakin menua selain menawarkan pengalaman Jepun sebagai sumber yang boleh memberi manfaat kepada ASEAN dalam menangani isu-isu berkenaan.

Diasaskan pada 8 Ogos 1967, ASEAN merangkumi Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam, mewakili blok geopolitik dan ekonomi yang penting di rantau ini. - ©BERNAMA

Jepun catat rampasan dadah kedua terbesar pada 2023 berjumlah 2,400kg

TOKYO, 20 Feb. - Pihak berkuasa Jepun merampas kira-kira 2,406 kilogram dadah dan bahan terlarang lain di pelabuhan serta lapangan terbang seluruh negara pada 2023 dan sekali gus mencatat nilai rampasan kedua terbesar di negara itu, lapor Xinhua memetik media tempatan pada Selasa.

Angka itu melonjak 79 peratus daripada tahun sebelumnya, menandakan rampasan dadah kedua terbesar negara berbanding pada tahun pra-pandemik 2019, lapor stesen penyiaran NHK, memetik data Kementerian Kewangan.

Sementara itu, jumlah kes pengedaran dadah yang dikesan pada tahun lepas ialah 815, turun 22 peratus berbanding 2022.

Jumlah kes membabitkan pesawat penumpang meningkat hampir tiga kali ganda daripada tahun sebelumnya kepada 262, disebabkan peningkatan perjalanan udara selepas sekatan COVID-19 dilonggarkan. - ©BERNAMA

menjalankan semakan perjanjian perdagangan bebas itu, mengakhiri mesyuarat ketiganya di sini, pada Isnin.

Mesyuarat empat hari dari 16 hingga 19 Feb itu dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia, Mastura Ahmad Mustafa dan setiausaha tambahan di Kementerian Perdagangan India, Rajesh Agrawal.

Dalam satu kenyataan pada Isnin, Kementerian Perdagangan

India berkata pasukan India dan ASEAN "mengadakan perbincangan terperinci dan menilai kemajuan dalam rundingan" untuk menjadikan AITIGA yang berusia 15 tahun itu "lebih memudahkan perdagangan dan saling menguntungkan."

Jawatankuasa Bersama AITIGA, yang mempunyai lapan jawatankuasa kecil untuk menangani pelbagai bidang dasar, telah ditugaskan pada Sept 2022 untuk menjalankan kajian semula. Mesyuarat pertama dan kedua diadakan pada Mei dan Ogos tahun lepas.

"Semakan AITIGA akan

memudahkan pengembangan selanjutnya perdagangan antara India dan ASEAN secara seimbang dan mampan. Kedua-dua pihak menyasarkan untuk memuktamadkan semakan ini pada tahun 2025," menurut kenyataan itu.

Panel itu akan mengadakan mesyuarat keempatnya di Kuala Lumpur pada Mei tahun ini. Menurut statistik India, India merupakan rakan dagang ke-8 terbesar ASEAN, dengan nilai perdagangan sebanyak US\$131.58 bilion pada tahun fiskal 2022-23 (April-Mac). - ©BERNAMA

Itali, Perancis dan Greece ketua misi EU di Laut Merah

BUDAPEST, 20 Feb. - Menteri Luar Hungary, Peter Szijjarto pada Isnin mengumumkan misi tentera laut Kesatuan Eropah (EU) yang bertujuan melindungi pelayaran di Laut Merah dan misi itu akan diketuai oleh Itali, Perancis dan Greece.

Terdahulu pada Isnin, Menteri Luar Itali,

Antonio Tajani berkata EU meluluskan pelancaran operasi ketenteraan Aspides, dengan Itali bersedia mengambil alih pasukan itu, lapor Sputnik.

"Hari ini, kami melancarkan misi maritim EU (digelar Aspides) ... Ia akan diketuai oleh Greece, Itali dan Perancis... bajet dihadkan kepada €8 juta (US\$8.6 juta) untuk tahun pertama," Szijjarto memberitahu wartawan Hungary selepas Majlis Hal Ehwal Luar EU.

Hungary menyokong pelancaran operasi itu dan mengharapkan Amerika Syarikat dan United Kingdom akan bekerjasama rapat dengan negara-negara EU semasa misi itu dilaksanakan, katanya.

Szijjarto juga mencadangkan sebahagian daripada dana daripada Kemudahan Keamanan Eropah digunakan bagi mengukuhkan perlindungan di pantai Yaman. - ©BERNAMA

Thailand guna FTA untuk tingkat eksport pertanian

BANGKOK, 20 Feb. - Thailand merancang untuk melaksanakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan rakan dagang strategik bagi meningkatkan lagi eksport produk pertanian dan produk pertanian yang diproses negara itu.

Jurucakap Kerajaan Chai Wacharonke berkata Perdana Menteri Srettha Thavisin akan menggunakan FTA Thailand untuk menarik pelaburan dan perdagangan asing, membuka pasaran baharu untuk produk pertanian selain meningkatkan daya saing negara di pasaran antarabangsa.

"Perdana Menteri mempunyai dasar untuk menggalakkan kerjasama ekonomi antarabangsa yang berkesan melalui FTA, sebagai sebahagian daripada 'diplomasi ekonomi proaktif' kerajaan.

"Inovasi dan perancangan pasaran berasaskan trend adalah strategi tambahan yang digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup petani dan usahawan Thailand," menurutnya dalam satu kenyataan.

Chai berkata kerajaan sedang

bekerjasama dengan pakar tempatan dan luar negara dalam merancang satu pelan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti serta pendapatan petani di bawah dasar 'Market-Led, Innovation-Driven, Triple Farmers' Income.'

Wakil Perdagangan Thailand (TTR) baru-baru ini telah bertemu dengan pengurusan Huawei (Thailand) Company Limited dan eksekutif dari Kementerian Pertanian dan Koperasi untuk membincangkan penggunaan penyelesaian inovatif Huawei untuk meningkatkan sektor pertanian.

Teknik baharu ini akan membantu dalam mengurangkan kos bekalan elektrik untuk petani berskala kecil, mewujudkan pangkalan data berskala besar dalam pertanian dan perdagangan untuk memulakan pelan berasaskan trend terkini dan membangunkan 'aplikasi Pirunraj' sebagai platform perdagangan dengan format 'From farm to Table'.

Thailand pada masa ini merupakan pengeluar utama produk pertanian di ASEAN dan yang ketujuh terbesar secara global. Selain itu, ia menduduki tempat ketiga di ASEAN dan tempat ke-11 secara global sebagai pengeluar produk pertanian yang diproses pada tahun 2023.

Menurut data Kementerian Perdagangan, eksport produk pertanian Thailand ke rakan dagang FTA pada tahun 2023 meningkat sebanyak 4 peratus dengan nilai US\$19.56 bilion.

Eksport produk pertanian yang diproses ke rakan dagang FTA pada tahun 2023 juga meningkat sebanyak 2 peratus dengan nilai US\$15.07 bilion.

Antara rakan dagang FTA Thailand, China akan menjadi pengimport terbesar produk pertanian dan pertanian yang diproses Thailand pada tahun 2023.

Eksport produk pertanian ke China tahun lepas meningkat sebanyak 11 peratus menyumbang 42 peratus daripada jumlah eksport produk pertanian dan produk pertanian yang diproses.

Ini diikuti oleh pasaran ASEAN yang berkembang sebanyak 5 peratus.

Produk pertanian dan produk pertanian yang diproses Thailand yang paling popular dalam kalangan rakan dagang FTA adalah beras diikuti kopi serta buah-buahan segar, sejuk, beku dan kering. - ©BERNAMA



PLATFORM CUNGKIL BAKAT PEMAIN BERPOTENSI



MAJLIS Belia Brunei (MBB) melaksanakan Kejohanan Badminton Antara Persatuan Belia Pertama 2024 (1st Inter-Youth Society Badminton Tournament 2024) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan (atas), manakala gambar bawah, antara aksi pada kejohanan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Belia Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Februari. - Majlis Belia Brunei (MBB) dengan bangganya mengumumkan kejayaan melaksanakan Kejohanan Badminton Antara Persatuan Belia Pertama 2024 (1st Inter-Youth Society Badminton Tournament 2024) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Kejohanan berkenaan bertujuan untuk menggalakkan jalinan silaturahim, persaingan sihat dan pembangunan bakat remaja menerusi sukan badminton.

Kejohanan Badminton berkenaan berjaya melahirkan pemain yang mempunyai kemahiran dan semangat kesukanan dalam kalangan wakil belia berumur 15 hingga 35 tahun daripada 12 Badan Bukan Kerajaan (NGO) berbeza, Pergerakan Belia dan 14 Kelab Institusi Belia di keempat-empat daerah.

Kejohanan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), serta menerima tajaan daripada YouC1000, BeveragesbyWafi, HiTune Group of Companies dan Dynamic Sports.

"Kejohanan Badminton Antara Persatuan Belia 2024 menekankan kepentingan pelaburan atas belia kita dan menyediakan mereka peluang untuk pertumbuhan, pembangunan, dan persahabatan.

"Kami percaya melalui inisiatif seperti ini, kami dapat memperkasa belia kami untuk menjadi bukan sahaja atlet berkemahiran tetapi juga warganegara yang bertanggungjawab yang menyumbang secara positif kepada masyarakat," kata Timbalan Yang Dipertua MBB, Dayang Nurul Izyan Anver selaku Pengarah Bersama Kejohanan MBB.

Kejohanan bermula dengan peringkat kumpulan pada 11 Februari 2024, diikuti dengan peringkat suku akhir, peringkat separuh akhir dan peringkat akhir pada 18 Februari 2024.

Perlawanan berkenaan menyaksikan pertunjukan bakat luar biasa dan keazaman daripada semua pemain.

"Di luar keseronokan persaingan, Kejohanan Badminton Antara Persatuan Belia 2024 berfungsi sebagai platform untuk belia memupuk kemahiran hidup yang penting seperti kerja berpasukan, komunikasi dan membuat keputusan, selain menggalakkan gaya hidup sihat," ujar Dayang Nurul Izyan Anver lagi.

Johan bagi Beregu Wanita disandang oleh Kelab Badminton Kampus Institut Pendidikan Teknik Brunei (IBTE) Nakhoda Ragam, manakala naib johan ialah Kelab Badminton Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), sementara tempat ketiga daripada Kelab Badminton Kolej Perniagaan Laksamana.

Manakala bagi Beregu Lelaki, johan disandang oleh Kelab Badminton Kolej Perdagangan & Teknologi Kosmopolitan, naib johan ialah Kelab Badminton Universiti Teknologi Brunei (UTB), sementara tempat ketiga ialah Kelab Badminton UNISSA.

Setiap pemenang menerima hadiah wang tunai, pingat, dan sijil penyertaan yang ditaja oleh MBB, HiTune Group of Companies, dan Dynamic Sports.

Dengan berakhirnya Kejohanan Badminton Antara Persatuan Belia 2024, MBB berharap untuk menganjurkan lebih banyak acara yang memperkasa dan memberi inspirasi kepada belia negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini mengenai acara akan datang, layari media sosial MBB @majlisbeliabn atau langgan saluran WhatsApp MBB di bit.ly/majlisbeliabn.



Hup Wei sasar lima tahun Malaysia kembali lompat tinggi Sukan SEA

KUALA LUMPUR, 20 Feb. - Jurulatih pelapis lompat tinggi negara, Lee Hup Wei memerlukan masa lima tahun bagi meletakkan Malaysia kembali sebagai kuasa besar acara lompat tinggi lelaki di pentas Sukan SEA.

Bekas atlet kebangsaan itu berkata beliau ketika ini giat mencungkil bakat baharu termasuk bekerjasama dengan Sekolah

Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dalam usaha menaikkan semula reputasi Malaysia dalam lompat tinggi pada temasya tersebut.

"Kita perlu ambil masa, susah mahu jangka namun diharapkan dapat lakukan dalam masa lima tahun. saya juga akan cuba yang terbaik (melahirkan atlet berkualiti) memandangkan Malaysia akan jadi tuan rumah pada Sukan SEA 2027 nanti.

"Selain melatih kira-kira 10 atlet dari SSBJ, saya juga akan melakukan pencarian bakat pada Sukan Malaysia (Sukma) 2024 di Sarawak, Ogos ini serta kejohanan MSSM (Majlis Sukan Sekolah Malaysia)," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Juara Sukan SEA edisi Korat 2007, Vientiane 2009, Jakarta-Palembang 2011 dan Manila 2019 itu turut berharap

dapat melahirkan atlet berwibawa untuk diserapkan ke dalam skuad Sukan SEA 2025 di Thailand.

Penguasaan Malaysia dalam acara lompat tinggi lelaki berakhir apabila Nauraj Singh Randhawa yang merupakan pemenang edisi Naypyidaw 2013 (Myanmar), Singapura 2015 dan KL 2017, sekadar meraih pingat perak pada Sukan SEA 2021 di Hanoi. Malaysia memenangi pingat emas acara itu dalam setiap edisi Sukan SEA sejak 1977, kecuali pada Sukan SEA 2005 di Manila. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SIKAP BERTANGGUNGJAWAB MENYUMBANG KEPADA KESEJAHTERAAN NEGARA